

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III	Bil. 41	Hari Selasa	5 Ogos 1997
-----------	---------	-------------	-------------

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

- | | |
|--|-------------------|
| Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997 | (Ruangan) |
| Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1997 | (Ruangan) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan
Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin
Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar
Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud
bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P.,
P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S.
(Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S.,
J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn,
D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan
Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting
D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K.
Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Tengah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji
Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr.
Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K.
(Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P.,
A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

Yang Berhormat Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

Yang Berhormat Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lumar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K. P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 5 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [4 Ogos, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lumut, sila sambung ucapan.

2.35 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kini seluruh dunia tidak boleh menafikan hak asasi wanita telah diiktiraf dan peranan yang dimainkan oleh wanita dalam institusi kekeluargaan pun bertambah kepentingannya. Tambahan pula wanita sedang mengambil

peranan yang proaktif dalam bidang politik, di antaranya negara-negara di Scandinavia 40% Ahli Parlimennya pun terdiri daripada wanita.

Dalam konteks Malaysia, kebanyakan wanita memainkan tiga peranan seperti ibu, isteri dan 'career woman' termasuk ahli-ahli politik. Wanita pun dianggap seperti menteri dalam rumah di mana mereka hendak menjaga anak, mengurus hal-ehwal di rumah, memberi kasih sayang kepada suami selain daripada kariernya. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada wanita yang telah pun berjaya. Kita tidak boleh lupakan pengorbanan yang dibuat oleh wanita dalam pembangunan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara.

Apabila sampai masa untuk pembahagian harta pusaka, keadilan mesti diberikan kepada wanita. Malaysia ialah sebuah negara yang progresif. Saya merasa bangga dan gembira dan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian berkenaan kerana sudi membentangkan suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958. Saya yakin dan percaya pindaan akta ini adalah satu langkah untuk mengiktirafkan kesamarataan dari segi jantina. This is the step in the right direction for the equality of the sexes, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa permohonan untuk pembahagian harta pusaka boleh dibuat kepada pejabat tanah di bawah Small Estate Act Ordinance bila nilai harta tidak melebihi RM2 juta atau kepada Mahkamah Tinggi bagi nilai harta yang besar. Ada perbezaan dalam dua cara ini - melalui pejabat tanah penerima harta pusaka selalu kena 'real property

'gain tax' sebanyak 30% oleh sebab hak milik tanah mesti ditukar nama kepada nama penerima sebelum ia dibenarkan menjual harta tetapi melalui Mahkamah Tinggi, penerima harta pusaka dianggap sebagai pemegang amanah (administrator of the estate). Kalau penerima hendak menjual harta, bayaran 'real property gain tax' tidak diperlukan. Saya harap pihak kementerian memberi perhatian di dalam anomali ini. Tambahan juga proses permohonan kepada Mahkamah Tinggi selalu mengambil masa yang panjang seperti enam bulan sampai satu tahun. Untuk keluarga menakat yang memerlukan kewangan dari harta pusaka, proses ini merupakan satu proses yang sangat memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, secara spesifik, mengikut subseksyen 6(1)(i) Akta ibu, jika isteri simati tidak berwasiat suaminya mengambil kesemua harta pusaka tetapi sebaliknya isteri tidak mendapat kesemua harta pusaka apabila suaminya simati tidak berwasiat. Pada masa dahulu akta ini telah menimbulkan banyak masalah oleh sebab kebajikan dan kedudukan anak-anak yang menakat tidak diberikan perhatian. Isu ini sangat pertinent dalam kes di mana isteri telah meninggal dunia dan bila sudah mendapat kesemua harta pusaka, suaminya berkahwin lagi. Dalam kes di mana ibu tiri, stepmother, dengan izin, tidak suka anak-anak tiri, anak-anak tiri atau anak-anak menakat akan menghadapi masalah terutama mereka yang muda. Anak-anak menakat juga

tidak ada sumber kewangan untuk menjaga diri sendiri kalau bapanya menjadi seorang yang tidak bertanggungjawab.

Dengan ini saya mengalu-alukan pindaan dibuat kepada Akta ibu subseksyen 6(1) di mana kesamarataan diberikan kepada suami dan isteri dan ibu bapa yang menakat pun telah memberi tumpuan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut tradisi dan budaya kita, ibu bapa tua biasanya tinggal dengan anak-anaknya sebagai satu extended family, dengan izin, dan menolong mereka di rumah. Tradisi yang baik ini harus dikekalkan. Memang ada kes-kes di dalam masyarakat moden di mana anak tidak bertanggungjawab dan tidak menjaga ibu bapanya.

Fasal 3(g) ada peruntukan untuk mewujudkan sebuah masyarakat penyayang. Walaupun saya bersetuju dengan konsep masyarakat penyayang, saya rasa peruntukan di bawah Fasal 3(g) di mana anak-anak berhak 50% harta pusaka, isteri atau suami 25% dan ibu atau bapa atau ibu bapa 25% tidak seimbang. Saya rasa 25% harta pusaka kepada ibu bapa pun lebih oleh sebab ada kemungkinan ibu bapa boleh mendapat pertolongan daripada anak-anak lain dan kalau mereka sendiri pun orang bersara ada mendapat pencen tiap-tiap bulan. Sebaliknya berhak 50% harta pusaka kepada anak-anak yang menakat tidak mencukupi terutama apabila saiz keluarga yang besar seperti ada sepuluh anak atau lebih.

Walaupun akta ini applicable kepada orang bukan Muslim sahaja mengikut peraturan customary marriage orang Cina sebelum 1983 pun boleh legally speaking, dengan izin, having more than one wife. Dalam konteks ini memang bilangan anak pun bertambah. Di sini saya ingin bertanya pihak kementerian mengenai status 'illegitimate child' sama ada ia berhak harta pusaka atau tidak berhak bila bapanya mati tidak berwasiat. Saya cadang sepatutnya harta pusaka diagihkan seperti berikut: 60% untuk anak-anak, 15% untuk ibu bapa dan 25% untuk isteri atau suami.

Akhirnya untuk mengelakkan masalah-masalah berkenaan pembahagian harta pusaka, orang ramai bukan Muslim harus digalakkan buat wasiat. Objektif ini boleh didapati melalui pendidikan dan seminar berkenaan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

2.45 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 di mana saya rasa rang undang-undang ini adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh pejuang-

pejuang aktivis hak asasi wanita kerana undang-undang sebelum ini telah mendiskriminasi terhadap lelaki dan perempuan.

Dalam perkara ini sungguhpun rang undang-undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam adalah satu perkara yang saya rasa adalah selaras dengan perkembangan semasa perlu ditarik perhatian bahawa masih ada wujudnya beberapa ketidaksaksamaan yang berlaku atau yang wujud yang tidak adil ke atas kaum wanita. Di sini adalah diharapkan bahawa perkara-perkara tersebut bolehlah diambil perhatian, khususnya satu draf Action Plan of the National Policy of Women, dengan izin, yang telah dicadangkan, di antara lainnya ialah bahawa Akta Pembahagian ini dipinda.

Tetapi selain daripada Akta Pembahagian, kalau kita hendak memastikan bahawa kaum wanita mendapat peranan dan tempat yang sewajarnya dalam perkembangan ekonomi negara dan juga pembangunan nasional, adalah perlu bahawa undang-undang lain turut dipinda khususnya, dengan izin, The Guardianship of Infant Act di mana kalau seseorang ibu hendak memohon supaya anaknya mendapat passport, dia harus mendapat kelulusan daripada bapanya. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sesuatu yang amat tidak adil kalau bapanya enggan memberikan kerjasama atas sebab bahawa mereka dalam proses penceraian ataupun bapanya dengan sengaja hendak menyusahkan ibu atau isterinya. Ini adalah juga sesuatu yang sangat tidak adil apabila dari segi undang-undang wanita adalah dianggap

sebagai penjaga utama atau dengan izin, primary care giver kepada budak-budak.

Adalah tidak munasabah langsung mengapa hanya bapa sahaja berhak membuat permohonan untuk pasport, tetapi tidak pula ibu. Selagi undang-undang seperti ini wujud, saya rasa hak wanita dalam negara ini masih tergutut dan tidak terjamin. Oleh sebab itu, saya ingin membuat satu seruan kepada pihak kerajaan supaya undang-undang seperti ini bolehlah dipinda. Saya rasa tidak ada sebab langsung mengapa apabila kita hendak membuat permohonan pasport, hanya bapa sahaja layak. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada terima kes-kes di mana apabila bapa tidak dapat dikesan, apa yang berlaku ialah langsung tidak boleh dapat pasport.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang harus diberikan perhatian ialah, dengan izin, The Pensions Act and Employees Social Security Act yang membezakan hak di antara balu ataupun di antara lelaki dan perempuan kerana tanggapan lama ialah bahawa hanya wanita sahaja yang merupakan dependent dan bukanlah lelaki. Tetapi keadaan ekonomi yang membangun sekarang, saya rasa adalah menegaskan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita.

Juga beberapa peruntukan lain, secara ringkas, ialah seperti hak warganegara Malaysia yang berkahwin dengan orang asing. Kalau untuk seorang warganegara lelaki berkahwin dengan wanita daripada negara asing, wanita daripada negara asing mempunyai hak untuk memohon

kewarganegaraan dan juga untuk tinggal di sini, termasuk juga bekerja di sini. Tetapi lain pula kalau seorang perempuan warganegara Malaysia berkahwin dengan seorang lelaki daripada negara asing, lelaki tersebut tidak ada hak yang sama. Saya rasa ini adalah satu diskriminasi kepada kaum wanita yang berkahwin dengan lelaki orang asing atau mungkin ini adalah satu galakan secara tidak langsung bahawa janganlah wanita kita kahwin dengan lelaki orang asing. Saya tidak tahu apakah sebab-sebab tersebut, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu dalam perkara ini, tetapi saya rasa ini adalah tidak adil kepada wanita.

Satu daripada perkara pokok yang sering ditimbulkan oleh pejuang-pejuang hak asasi wanita ialah bahawa dalam Perlembagaan negara kita tidak ada jaminan bahawa kaum wanita tidak akan didiskriminasikan. Kerana kalau kita lihat Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan adalah dinyatakan bahawa segala diskriminasi dalam apa bentuk sama ada bangsa, agama, keturunan atau sebagainya tidak dibenarkan. Tetapi tidak ada pula dinyatakan dengan jelas bahawa diskriminasi berdasarkan jantina tidak dibenarkan. Oleh sebab itu, saya rasa adalah perlu dan wajar bahawa Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya kita mengharamkan sebarang diskriminasi berdasarkan jantina. Ini adalah secara kasar perkara-perkara yang harus diambil perhatian oleh pihak kerajaan kerana kalau tidak, ketidakadilan ke atas kaum wanita masih akan wujud. Kalau kita hendak memansuhkan semua undang-undang yang tidak adil kepada

kaum wanita, janganlah buat, dengan izin, secara piecemeal sahaja, kita haruslah membuatnya secara holistic.

Saya secara peribadi mengalu-alukan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana kalau kita anggap bahawa wanita adalah sama dan saksama, adalah tidak adil undang-undang yang lama di mana kalau lelaki mati, kaum wanita hanya berhak mendapat 1/3, berlainlah pula kalau wanita mati, keseluruhannya akan diberikan kepada pihak lelaki. Ini seakan-akan menganggap bahawa seorang wanita hanya bernilai 1/3 kalau dibandingkan dengan seorang lelaki. Itu adalah satu keadaan yang tidak boleh diterima langsung, malah dianggap ketinggalan zaman dan sesuatu yang amat kolot sekali.

Tentulah dalam perkara ini kerajaan atau pihak Yang Berhormat Menteri telah mengambil langkah yang betul supaya menghapuskan perbezaan di antara kaum lelaki dan perempuan. Tetapi kita tidak harus sekadar meminda undang-undang ini sahaja. Saya juga ingin tahu apakah undang-undang lain yang bersifat diskriminasi ke atas wanita, bilakah undang-undang tersebut akan dipinda supaya negara kita boleh berbangga apabila kita menghadiri perjumpaan ataupun persidangan antarabangsa tentang wanita bahawa Malaysialah merupakan satu pioneer stay in a forefront of women rights, dengan izin, dalam rantau Asia. Kalau tidak, saya tidak nampak macam mana

kita boleh memastikan bahawa kedudukan dan status wanita bolehlah ditingkatkan.

Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya tentang kedudukan atau pendirian Malaysia tentang Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW). Adakah semua reservation yang pernah dibangkitkan ini telah diselesaikan dan juga bahawa pihak kerajaan telah meluluskannya dengan sebulat suara, telah menerimanya dengan segala-galanya. Kalau ya, saya hendak tahu mengapakah setakat ini pihak kerajaan tidak menunaikan tanggungjawabnya dengan membuat pindaan yang cepat ke atas undang-undang yang saya sebutkan tadi, yang berdiskriminasi ke atas pihak wanita.

Saya membawa perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita lihat perkembangan Akta Keganasan Rumah Tangga, kita boleh lihat bahawa ia hanya dilaksanakan dengan begitu lambat sekali dan ini telah menimbulkan satu kontroversi yang agak besar dan memberikan gambaran bahawa pihak kerajaan tidak begitu prihatin dan bersikap serius tentang masalah ini. Oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah memastikan bahawa semua undang-undang ini diselaraskan dan disamaratakan dengan kaum lelaki. Kita harus adakan war against corruption and poverty, tetapi kita tidak seharusnya ada war of the success, dengan izin. Selagi perkara ini tidak diselesaikan, saya rasa tentunya satu tanggapan akan timbul bahawa tidak adil kepada.....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Comel, bolehlah, sila. *[Ketawa]*

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya seronok juga dengar bahawa Ahli Yang Berhormat ini bercakap tentang diskriminasi terhadap wanita dan hendak membela wanita. Jadi, saya hendak tanya apa sebab DAP ini tidak ada Ahli Dewan Rakyat wanita duduk di situ? Tidakkah ini merupakan satu diskriminasi terhadap wanita? *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Betul, betul!

Tuan Lim Guan Eng: Saya pun sama-sama sakit hati bahawa kita tidak ada Ahli Parlimen daripada wanita, itulah sebabnya kita kalah teruk dalam pilihan raya umum. Kalau kita boleh mengekalkan kerusi yang kita ada dalam penggal yang lepas, kita tentunya ada sekurang-kurangnya dua atau tiga Ahli Parlimen wanita tetapi apa boleh buat kita sudah kalah. Kalau kita menang, tentu saya boleh jaminkan ada lebih daripada seorang wanita Ahli Parlimen daripada DAP. Saya harap Yang Berhormat pun boleh sokonglah lain kali calon-calon wanita daripada parti DAP.

Tetapi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kita ada dua ADUN wanita, satu di Selangor dan satu

di Pulau Pinang. Oleh sebab itu, kita pun bukan sahaja cakap ‘melepaskan batuk di tangga’, kita ada mengamalkannya.....

Seorang Ahli: Kepong - Mr. Bean.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sila, sila. Susah nak tolak macam ini. *[Ketawa]*

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Saya perhatikan wakil-wakil rakyat daripada DAP banyak jugalah jika dibandingkan daripada kaum wanita. Jadi, kalau sebut soal calon, rasa saya calon daripada wanita DAP dengan calon bukan wanita DAP tidak sama, sebab itulah ada calon wanita yang kalah. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Melaka, adakah mungkin calon wanita daripada DAP itu kalah sebab DAP letak wanita ini di kerusi-kerusi yang lekeh-lekeh sahaja? *[Ketawa]* Kalau beri macam kerusi Kota Melaka, mungkin menang agaknya. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Wah, ini nak provoke. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa itu tidak benar, kerana kita ada letakkan seorang calon di Ipoh Barat yang merupakan satu kubu kuat tradisi DAP, tetapi apa boleh buat, kita kalah dalam tahun 1995 dan inilah kerusi yang kita menang, saya rasa, berturut-turut sejak 1986 dan 1990 dengan majoriti yang agak besar,

tetapi pada pilihan raya yang lepas kita kalah. Ini saya rasa hanya satu contoh, kita boleh tunjukkan contoh lain, tetapi kalau saya hendak sebut, saya rasa akan memakan masa yang agak panjang dan Yang Berhormat pun nanti tidak ada peluang berucap. Jadi, saya hendak berikan peluang berucap kepada Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada tajuk ini dan merujuk kepada satu laporan oleh United Nations Development Programme - Human Development Report mengenai kedudukan wanita. Ada dua ukuran yang dipakai oleh United Nations Human Development Report, satu ialah General Empowerment Measure (GEM) dan satu lagi ialah General Development Index (GDI). Di sini, GDI, dengan izin, measures the achievement in a same basic capability such as HDI but take notes of equality in achievement between man and woman. Kalau kita lihat bahawa kedudukan Malaysia (dalam tahun 1995) adalah pada tangga ke-59 dan ini saya rasa adalah sungguhpun lebih baik kalau dibandingkan dengan setengah-setengah negara tetapi adalah satu keadaan yang bolehlah dipertingkatkan. GDI measures general equality in basic human capability - education, health, earnings. Saya rasa ini adalah sangat penting kerana dari segi pendidikan, pendidikan untuk kaum wanita tidak boleh, I think we cannot over emphasise the importance of education for women, dengan izin.

Seperti yang saya pernah nyatakan, kalau kita memberikan pendidikan kepada seorang lelaki, kita hanya mendidik seorang individu. Tetapi kalau kita

memberikan pendidikan yang penuh kepada seorang wanita, kita mendidik sebuah negara atau dengan izin, you educate a man, you educate an individual. But if you educate a woman, you teach a whole nation. Kerana kalau seseorang wanita yang berpendidikan, dia akan memberikan pendidikan yang sama kepada keluarganya dan keluarganya merupakan satu sub-unit kepada sesebuah negara.

Oleh itu, adalah perlu bahawa kerajaan mengambil usaha yang keras untuk memastikan bahawa kaum wanita mendapat pendidikan yang sewajarnya. Mungkin kalau boleh saya menyatakan di sini adalah lebih penting daripada kaum lelaki, kerana peranan besar yang mereka mainkan ke atas pendidikan untuk keluarga mereka. Pada masa yang sama kalau kita lihat, dengan izin, the Gender Empowerment Measure (GEM) reflect gender equality in economic and political opportunities. Their focus on three variables; that's reflect women participation in political decision making, the access to professional opportunities and their earning power.

Kalau kita lihat GEM Malaysia, saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa kedudukan Malaysia dalam tahun 1995 telah jatuh kepada tangga 49 daripada tangga 38 sebelumnya. Saya rasa kedudukan seperti ini mencerminkan sedikit-sebanyak bahawa diskriminasi ke atas wanita bukan sahaja tidak bertambah baik, tetapi sebaliknya nampaknya telah bertambah buruk. Oleh yang demikian, saya rasa pihak kerajaan haruslah memberikan galakan sama ada

secara langsung atau tidak untuk memastikan bahawa tidak timbul diskriminasi dalam bidang pekerjaan di antara kaum lelaki dan kaum wanita. Ini adalah juga untuk menjayakan usaha pembangunan ekonomi negara, kerana dalam keadaan di mana kita terdapat ada wujudnya kekurangan pekerja, kaum atau golongan wanita memainkan peranan yang sangat penting sekali. Tanpa sumbangan oleh kaum wanita ini, saya rasa ekonomi negara kita tidak boleh membangun dengan kadar yang sewajarnya.

Pada masa yang sama saya juga harap bahawa pihak kerajaan akan meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam bidang politik. Saya rasa cara yang paling baik, sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari sesuatu aspek seperti yang pernah kita bincangkan berkali-kali, kaum wanita dari segi penyertaan dalam bidang politik kerana sikap halus mereka dan sikap cuba mencari sesuatu penyelesaian kepada sesuatu masalah, saya rasa mereka dianggap sebagai lebih berkemampuan atau memberikan perspektif yang baru ke atas sesuatu masalah negara. Ini pernah dicuba di negara-negara barat dan didapati selain membuat improvement atau pembaikan ke atas proses politik dalam sesuatu negara.

Kita boleh bayangkan bagaimana teruk sesuatu masalah kalau ia juga berjangkit kepada kaum wanita. Contohnya, kalau kita cakap tentang masalah rasuah, sungguhpun masalah rasuah merangkumi segala lapisan rakyat, tetapi kalau wanita atau pegawai wanita sama ada dalam pihak swasta mahupun

dalam pihak kerajaan terlibat juga dalam rasuah. Saya rasa ini menunjukkan betapa seriusnya gejala rasuah. Saya rasa pandangan ini pun dipersetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa lebih pakar dalam perkara ini.

Pada masa yang sama, rasuah hanyalah satu aspek. Mengapa saya bercakap demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita lihat dari segi sifat dan watak seorang wanita, ia jarang akan melanggar undang-undang dan dia jarang akan membuat perkara-perkara yang tidak bermoral. Kalau dia sudah sampai tahap di mana wanita juga terlibat dalam rasuah, saya rasa jahanamlah negara kita. Kalau wanita pun terlibat dalam gejala-gejala seperti ini, jahanamlah negara kita. Oleh sebab itu, saya rasa kita boleh ukur tentang seriusnya sesuatu masalah dengan lihat sama ada dia berjangkit ataupun penglibatan kaum wanita dalam masalah tersebut. Kalau tidak, saya rasa ia masih memberikan harapan bahawa mungkin perkara ini boleh diatasi. Tetapi kalau pihak kerajaan tidak membenarkan penyertaan kaum wanita dalam proses pentadbiran kerajaan kerana seperti yang saya nyatakan tadi bahawa ia merupakan satu defender, kalau kita boleh cakap pembela atau satu wadah nilai-nilai moral yang mungkin lebih daripada kaum lelaki.

Oleh yang demikian, saya rasa adalah perlu bahawa kita membenarkan penyertaan kaum wanita yang sewajarnya. Dalam aspek ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada di sini dan saya ingin mengambil

kesempatan bahawa dari segi assessment atau penilaian untuk cukai, kaum lelaki tidak boleh dianggap sebagai lebih junior daripada kaum wanita. Kalau kita hendak bercakap tentang separate assessment hanya di atas nama suami sahaja, saya rasa ini perlu dipinda supaya isteri pun boleh dibenarkan kebebasan untuk dibuat di atas namanya. Saya rasa itu adalah sesuatu.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, oleh sebab saya dikaitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya hendak bertanya yang asas tadi, saya berasa malas hendak bangkit, sebab saya takut dia gunakan isu ini untuk mengatakan saya tidak membela kaum wanita. Sebenarnya saya hendak tanya Yang Berhormat ataupun saya hendak mengaku bahawa saya sokong segala hujah-hujah Yang Berhormat, tetapi hujah Yang Berhormat tadi merupakan satu hujah yang melihat realiti terlalu idealistic. Cuma persoalannya yang saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah apakah Yang Berhormat rela menerima keruntuhan institusi keluarga. Kerana apa Yang Berhormat berkata tadi adalah berasaskan apa yang berlaku di barat yang mana full empowerment, dengan izin, diberi kepada wanita, iaitu sedang berlaku di negara barat.

Tetapi Yang Berhormat kata tadi diskriminasi di dalam Perlembagaan, di dalam cara kita, budaya kita adalah warisan daripada role set ataupun peranan-peranan manusia yang datang daripada Adam dan Hawa sehingga sekarang. Jadi, jangan Yang Berhormat dari Parit marah saya pula, saya sokong segala apa yang dikata dari segi idealismenya. Persoalannya, jikalau apa Yang Berhormat kata tadi hendak dipakai, maksudnya Yang Berhormat mesti menerima bahawa institusi keluarga itu sudah tidak penting lagi. Jadi, apa yang berlaku di barat yang mana institusi keluarga yang terdiri daripada seorang lelaki dan seorang wanita menjadi bapa dan emaknya tidak diterima lagi, maka berlakulah soal-soal masalah sosial yang lain.

Macam kita di Malaysia satu daripada sebab masalah sosial ialah kaum wanita telah banyak masuk di dalam pasaran pekerjaan sehingga tidak ada lagi peranan tradisi wanita untuk mensosialisasikan anak-anak kita mengikut tradisi lama. Jadi, kalau Yang Berhormat bercakap yang mana saya sokong dari segi akademik, dari segi idealismenya, tetapi apakah Yang Berhormat sendiri mahu menerima hakikat bahawa institusi keluarga itu tidak penting lagi. Jadi, unit of analyse, dengan izin, di dalam masyarakat kita ialah individu, bukan keluarga. Ini persoalan asas, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat teruskan dengan empowerment, dengan social participation, dengan earning power, kita mesti selesaikan masalah itu up to where are we going to accept the role of

wanita, adakah kita hendak memberi keseluruhan pembebasan sepertimana yang berlaku di barat?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya pinjamkan satu istilah, dengan izin, *women holds half the sky*. Apa yang saya perjuangkan sekarang hanya *half the sky*, bukan 100%. Pada masa yang sama saya rasa kita tidak boleh salahkan hanya kaum wanita sahaja kalau sistem kekeluargaan tergugat. Saya rasa kalau kita cakap tentang kebahagiaan sesuatu keluarga, ini bukan hanya tanggungjawab pihak wanita sahaja. Ia juga satu tanggungjawab bersama, bukan sahaja oleh kaum wanita, tetapi juga oleh kaum lelaki. Apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi memberikan satu gambaran bahawa kalau wanita diberikan peluang yang sama atau *equal opportunity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini akan membawa kepada keruntuhan keluarga. Saya rasa kalau wujudnya keruntuhan keluarga, ia bukan sahaja hanya tanggungjawab pihak wanita, tetapi juga tanggungjawab pihak lelaki. Jadi, jangan kita salahkan hanya pihak wanita sahaja, kerana ini adalah satu tanggungjawab bersama.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Apabila saya bercakap, Yang Berhormat tentu mengatakan saya menyalahkan wanita, saya tidak menyalahkan wanita. Sebab dari tradisinya, daripada orang Islam, orang

Kristian, orang Yahudi kita mempercayai bahawa asas unit manusia itu sebelum datang kepada asas masyarakat ialah keluarga. Peranan-peranan telah diberi di dalam kitab Injil, Zabur, Taurat dan juga Quran telah diberi kepada tiap-tiap anggota itu, itu tradisinya. Tetapi kita hendak memecah tradisi ini perlu kita ada satu alternatif. Sekarang tidak ada alternatif. Di Amerika pun yang hendak mencapai 100% tidak ada alternatif, dia mengharapkan manusia itu liberal seluruh keliberalannya' dan ini menjadi masalah yang mana soal-soal tabii, iaitu soal-soal asas, menjadi satu masalah yang asas.

Saya tidak mengatakan bukan peranan lelaki untuk mendidik anak, tidak. Jangan menyalahkan saya di depan mata wanita. Saya adalah penyokong wanita sekuat-kuat sokongan. Tetapi persoalan yang saya bangkit ini persoalan philosophy, iaitu apakah kita wujud alternatif ini. Kita masih tidak ada alternatif selain daripada keluarga. Wanita kita banyak berkerja, itu bagus. Tetapi apakah alternatifnya untuk mengisi peranan sosialisasi anak-anak kita, tidak ada. Sekolah tidak cukup, institusi kerajaan yang ada tidak cukup. Saya sokong apa Yang Berhormat kata 200%, jangan guna saya sebagai antiwanita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa alternatif yang saya cadangkan dan saya rasa saya bukan pengasas, I am not the originator of this proposal bahawa tanggungjawab ini dikongsi di antara kaum lelaki dan wanita. Kita tidak harus amalkan cara lama di mana ia hanya merupakan tanggungjawab satu pihak sahaja, iaitu kaum wanita. Apabila saya

menimbulkan tentang peluang saksama, saya hanya menyebut dari segi politik dan ekonomi. Saya tidak cakap tentang budaya atau nilai moral. Saya masih tidak berganjak tentang nilai-nilai moral, di mana saya ada sebut bahawa kita mesti mengangkat dengan 100% bahawa nilai-nilai moral ataupun social and moral mals, dengan izin, of the west saya tidak sebut langsung. Saya hanya nyatakan bahawa dari segi penyertaan politik dan ekonomi, peluang yang saksama harus diberikan kepada kaum wanita, dan saya tidak nampak apa salahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Sila balik kepada Akta Pembahagian.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak balik kepada tajuk ini. Oleh sebab itu, saya hanya hendak tunjukkan sahaja bahawa kita janganlah kalau lihat daripada ajaran-ajaran agama seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat falsafah-falsafah yang memang Yang Berhormat pakar sangat, kalau kita lihat daripada asalnya Adam and Eve, even though Eve provided the temptation, dengan izin, do not blame her descendant for ever. Dari segi ini sungguhpun dari aspek ini kita tidak harus mempersalahkan kaum wanita, kerana apa yang berlaku pada asalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila balik kepada Akta Pembahagian ya.

[Ketawa]

Tuan Lim Guan Eng: Ini kerana cakap falsafah sedikit kerana seorang pakar falsafah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Nanti perbahasan kita tidak boleh habis ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya. Saya pun tidak mahu berbahas panjang hanya sedikit sahaja iaitu seperti apa yang saya katakan tadi adalah perlu bahawa Akta Pembahagian atau pindaan yang dicadangkan ini dibuat, tetapi bukan hanya sekadar rang undang-undang ini tetapi juga kepada rang undang-undang yang lain. Dan di sini saya harapkan bahawa kerana kita tidak ada Ahli-ahli Parlimen wanita, adalah diharapkan bahawa Ahli-ahli Parlimen wanita dalam Dewan yang mulia ini boleh menggesa kerajaan menyegerakan rang undang-undang yang lain supaya dapat menghapuskan diskriminasi ke atas wanita yang sedia ada.

Kalau kita melihat tentang Ecstasy pills yang merupakan saya rasa satu masalah sosial kepada negara kita. Dalam bahasa Mandarin Ecstasy pil adalah pil ‘geleng-geleng’ kepala. *[bercakap dalam bahasa Cina]* Apa yang saya takutkan kalau kita melihat tentang masalah pil geleng-geleng kepala atau Ecstasy pil yang melandai masyarakat kita, saya takut pula ada satu jenis penyakit yang lain dalam Dewan yang mulia ini di mana ada Ahli-ahli Parlimen baik lelaki atau perempuan, sungguhpun undang-undang diskriminasi ke atas wanita, mereka masih tidak berani bersikap tegas dan masih menerima keadaan

yang sedemikian, penyakit ‘angguk-angguk’ kepala, bukan geleng-geleng kepala, tak berani geleng tetapi hanya angguk-angguk.

Apa yang dicadangkan hanya angguk-angguk kepala sahaja dan ini adalah satu exception. Tetapi saya tidak mahu melihat selain daripada ini ada lebih banyak rang undang-undang lain yang ada supaya dapat menghapuskan diskriminasi ke atas kaum wanita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai.

3.18 ptg.

Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana telah membentangkan suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958.

Akta Pembahagian yang ada sekarang telah lama dikritik kerana dia merupakan suatu akta yang sudah lapuk dan mendiskriminasikan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembahagian seperti yang ada sekarang memperuntukkan bahawa jika seseorang simati wanita tidak berwasiat, suaminya berhak kepada semua harta pusakanya sedangkan ibu bapanya dan zuriatnya tidak berhak kepada sebarang harta pusakanya.

Apabila akta ini digubal pada tahun 50-an, wanita yang bekerja makan gaji berkurangan dan hanya sebilangan antara mereka mendapat gaji yang tinggi. Oleh itu, kecuali mereka yang bernasib baik dan yang mewariskan harta daripada ibu bapa atau saudaranya, wanita pada umumnya tidak mempunyai harta di bawah nama mereka.

Oleh itu, soal harta warisan tidak kena mengena dengan kebanyakan mereka dan ketidakadilan dalam akta ini menjejaskan hanya sekumpulan wanita yang kecil. Tetapi, pada hari ini ramai wanita adalah peniaga atau usahawan yang berjaya ataupun eksekutif yang bergaji tinggi dan termasuk juga orang politik - MP. Antara mereka ramai berkebolehan, berkemampuan membeli barang-barang seperti emas, kereta bahkan rumah dengan gaji sendiri sebelum mereka berkahwin. Ada pula yang menanggung ibu bapa mereka ataupun menanggung pengajian lanjutan saudara kandung dengan wang sendiri sebelum dan setelah mereka berkahwin dengan usaha sendiri. Ini telah jelas menunjukkan bahawa pada hari ini wanita pun mempunyai kewajipan menanggung dan menjaga keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembahagian yang ada sekarang, yang memperuntukkan suami simati menjadi satu-satunya pewaris harta pusakanya jikalau simati tidak berwasiat telah mengabaikan perubahan keadaan sosial dan ekonomi masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga tidak adil kepada ibu bapa wanita simati. Mereka bukan sahaja membesarkan anak perempuan mereka tetapi mungkin telah menghabiskan wang simpanan sepenuh hayat dalam pendidikannya. Tetapi, bila anak perempuannya meninggal dunia dengan tanpa berwasiat semua harta pusakanya diberi kepada suaminya yang mungkin berkahwin semula selepas kematiannya.

Tuan Hamzah bin Ramli: Kasihan!

Puan Lim Lay Hoon: Kasihan! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, aspek ketidakadilan yang kedua, yang saya ingin sentuhkan di sini ialah peruntukan yang ada dalam akta ini tidak memberi hak pusaka kepada anak-anak simati wanita. Anak-anak adalah darah daging simati dan sepatutnya menerima hak mendapat pusaka yang lebih daripada suami simati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap berkenaan dengan undang-undang dahulu ya, sekarang yang hendak dipinda itu akan diberi kepada anak-anak dia ya.

Puan Lim Lay Hoon: Okay, itu bersangkutan dengan sejarah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sejarah itu dibuat mengikut undang-undang Inggeris pada masa itu, dalam tahun 1950 itu.

Seorang Ahli: Sekarang sudah ditukar!

Puan Lim Lay Hoon: Baik.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembahagian seperti yang dilaksanakan sekarang rupanya tidak melindungi faedah bagi anak-anak simati. Jadi, contohnya apabila suami simati berkahwin semula dan mempunyai anak-anak daripada isteri barunya, harta yang telah diterima daripada simati mungkin berpindah milik kepada anak-anak isteri kedua dan bukan anak kandungan simati.

Tuan Yang di-Pertua, semua undang-undang yang tidak adil dan mendiskriminasikan wanita sepatutnya diubah dengan secepat mungkin. Pindaan yang dibentangkan petang kelmarin adalah bertujuan untuk memperbetulkan apa yang salah. Syabas kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya pindaan ini dan saya yakin semua yang percaya akan keadilan dan kesaksamaan hak kepada wanita mempunyai pendapat yang sama dan menyokong juga pindaan ini.

Pindaan ini merupakan suatu penggalakan kepada perjuangan kaum wanita mendapat status setaraf. Saya berharap pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan terus mengambil langkah-langkah yang berani dan tegas untuk memindahkan semua akta yang diskriminasikan kaum wanita. Antaranya ialah, dengan izin, Women and Girls Protection Act

1973, Guardianship of Infants Act 1961 dan The Imigression Ordinance 1959 dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam usaha untuk memastikan hak dan kesejahteraan kaum wanita, selain daripada memperuntukkan undang-undang yang proaktif dan tidak mendiskriminasikan penguatkuasaan undang-undang pula memainkan peranan yang penting.

Saya rasa sedih baru-baru ini, pegawai penguatkuasa telah salah guna undang-undang dan kuasa mereka di atas nama perlindungan gadis-gadis. Contohnya, di negeri Selangor, tiga ratu cantik telah ditahan dan digari di atas pentas semasa mereka dimahkotai sebagai ratu cantik. Di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, gadis-gadis yang merayakan hari jadi mereka di karaoke lounge telah ditangkap dan dihantar ke pusat pemulihan. Walaupun mereka pergi ke tempat tersebut dengan kebenaran ibu bapa mereka dan ibu bapa mereka telah membuat rayuan kepada pihak tertentu supaya melepaskan anak-anak mereka.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Puan Lim Lay Hoon: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, yang pertamanya

tentang tiga ratu cantik itu. Saya ingat yang itu berkait dengan pengajaran dan pendidikan Islam, maruah agama itu lebih penting daripada maruah tiga orang wanita.

Jadi, saya kena mempertahankan bahawa itu adalah hak agama Islam dan saya kira kerana agama Islam adalah agama rasmi, jadi, Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak, perkara seperti itu kalaulah wanita itu mahu menjaga maruah mereka, mereka sepatutnya tidak memasuki pertandingan ataupun melibatkan diri dalam benda-benda yang tidak bemarkuah.

Begitu juga dengan karaoke, kerana kita sedang mengatasi masalah sosial. Jadi, kalau kita hendak menghalangi masalah sosial, walaupun ibu bapa membiarkan anak mereka pergi, tetapi apabila pihak polis atau pihak berkuasa membuat serbuan, dia bukan hendak tanya ibu bapa beri atau tidak beri kerana ibu bapa tidak memberi surat kebenaran.

Jadi, benda itu perlu ditangkap dan dibawa ke balai polis dan kemudian diselesaikan di sana. Jadi, adakah cara yang paling baik pada pandangan Ahli Yang Berhormat kalau tidak mahu cara sebegitu, bagaimana cara kita hendak mengatasi masalah-masalah sosial. Terima kasih.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Tadi, bersangkutan dengan tiga orang ratu cantik itu, pada pendapat saya, itu bersangkutan dengan macam kata agama Islam, tetapi pada pendapat saya, saya fikir kalau sesuatu

penangkapan atau apa-apa tindakan yang akan diambil, sepatutnya diberitahu dahulu, bukan dengan serta-merta naik ke pentas dan memalukan, walaupun ia dari segi agama itu tidak boleh dinafikan. Tetapi, saya fikir lebih baik kalaulah boleh diberi amaran dahulu, kemudian barulah membuat apa-apa yang telah dibuat supaya gadis-gadis yang ada di atas pentas itu tidak berasa begitu malu dan begitu sedih atas kejadian itu.

Bersangkut dengan tadi kata Yang Berhormat gadis-gadis yang meminta kebenaran daripada ibu bapa ke karaoke lounge itu, saya fikir sepatutnya kalau seorang gadis telah meminta kebenaran daripada ibu bapa mereka, maksudnya mereka telah menghormati ibu bapa dan apa yang telah dibuat itu adalah dengan persetujuan dari ibu bapa mereka itu sepatutnya diberi peluang kepada mereka. Bukan terus ditangkap dan dimasukkan ke pusat pemulihan dan pada umur yang begitu iaitu kurang dari 20 tahun dan perasaan mereka mungkin sudah dapat kebenaran pun begitu susahlah untuk dilepaskan. Jadi, kejadian seperti itu akan menyusahkan hati mereka, sedangkan umur mereka hanya kurang daripada 20 tahun sahaja.

Jadi, pada masa ini mereka bolehlah berasa sedih kalau kata sesuatu yang telah dapat kebenaran pun, mereka kena menghadapi 'kemaluan' seperti yang telah dilakukan. *[Ketawa]* Sorry!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, minta Ahli Yang Berhormat perbetulkan ayat itu!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Perkara ini sensitif, tidak usahlah Yang Berhormat.

Puan Lim Lay Hoon: Sorry, kalau saya berucap dengan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Perbetulkan ayat itu sedikit!

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usahlah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Perbetulkan ayat. Ayat tadi silap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Sila teruskan ucapan Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, sila teruskan ya.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, beri dia bercakap dahulu ya.

Puan Lim Lay Hoon: Ya. Apa saya pun sudah

Tuan Yang di-Pertua: Ha, cari tak jumpa dah! *[Ketawa]*

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang saya beri tadi bersangkutan dengan pegawai penguatkuasaan, jadi di sini sudah jelas perbuatan yang begitu angkuh itu dilakukan dengan tujuan untuk memalukan dan menghukum gadis-gadis yang terlibat dan bukan memberi perlindungan kepada mereka seperti yang didakwa. Jadi, saya berharap kerajaan dapat memberi perhatian secara serius di atas perkara-perkara tersebut supaya gadis tidak akan menjadi mangsa undang-undang yang bertujuan untuk memberi perlindungan kepada mereka. Dengan kata-kata ini, saya.....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak? Ya, sila.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mahukan penjelasan daripada Yang Berhormat dari Padang Serai, bersetuju atau tidak dengan saya berkaitan dengan penangkapan tiga orang ratu cantik tadi sepertimana yang dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi, yang kita pertikaikan di sini bukannya undang-undang Islam - kita tidak pertikai, bersetuju atau tidak, Yang Berhormat? Yang kita pertikaikan ialah cara pelaksanaan undang-undang di mana kebanyakan daripada pegawai-pegawai penguatkuasa ini terdiri daripada orang lelaki, Tuan Yang di-Pertua, dan orang-orang lelaki ini kebanyakannya terlalu over-zealous menjalankan tugas. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak dan mereka ini suka kepada sensasi, Tuan Yang di-Pertua, sehingga gadis-gadis yang naik ke pentas ditangkap pada masa itu juga tetapi orang-orang yang bina badan ini - yang mempamerkan lebih daripada sepatutnya dilihat oleh wanita dibiarkan begitu sahaja. Setuju atau tidak, Yang Berhormat?

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya itulah maksud saya tadi. Jadi, terima kasihlah di atas.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah.

Puan Lim Lay Hoon: Saya ingat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap, penjelasan.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Padang Serai.

[Ketawa]

Puan Lim Lay Hoon:menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Marang.

3.34 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997 tidak menyentuh perkara Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, termasuk dalam perkara pembahagian pusaka dan perlunya pemberian hak kepada orang-orang yang bukan Islam dalam perkara agama mereka dan kebebasan mereka yang tidak boleh diganggu. Walaupun dalam perkara yang

bercanggah dengan Islam, mereka tidak boleh diganggu dengan syarat perkara tersebut tidak menyentuh kepentingan awam.

Saya ingin menyertai perbahasan dalam rang undang-undang pindaan ini dengan menegaskan bahawa sesuatu undang-undang dan peraturan yang dikemukakan mestilah diambil kira naluri manusia sama ada lelaki ataupun wanita dan diambil kira dari segi tanggungjawab dan bebanan masing-masing. Kita tidak boleh membincangkan dalam aspek persamaan secara mutlak. Di sana ada perkara yang boleh disamakan dan di sana ada perkara yang tidak boleh disamakan mengikut naluri, umpamanya mengangkat barang-barang yang berat yang boleh diangkat oleh kaum lelaki, tidak boleh dipaksa kaum wanita mengangkat dengan berat timbangan yang sama kerana tidak sesuai dengan naluri mereka. Ada perkara yang boleh kita ambil kira dalam persamaan dan ada perkara yang perlu diambil kira dalam aspek naluri dan sifat semula jadi mereka dan tanggungjawab mereka dan inilah perkara undang-undang, hukum dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh semua agama dan semua pihak yang berkuasa di dalam negara.

Maka, dalam undang-undang yang diamalkan perlu diambil kira naluri yakni sifat semula jadi, tanggungjawab, institusi keluarga, masyarakat dan negara. Perlu diambil kira dalam hal-hal yang seperti ini, umpamanya sebagai satu contoh - saya sebut misal dahulu sebelum saya masuk dalam tajuk pindaan rang undang-undang ini. Menjaga bayi sebagai satu contoh, sehingga kanak-

kanak sampai berumur tujuh tahun. Ini keistimewaan yang boleh dilakukan oleh kaum wanita - ibunya sendiri, di peringkat ini kalau diberi kepada lelaki, di peringkat bayi dan peringkat kanak-kanak yang begitu rupa, sifat semula jadi kaum lelaki tidak boleh menanggung tanggungjawab dengan sepenuhnya kerana kesabaran yang ada pada kaum wanitalah yang mempunyai kemampuan di peringkat bayi dan kanak-kanak yang begitu rupa.

Bukan sahaja dalam aspek fizikal, kaum wanita boleh memberi susu ibu - lelaki tidak boleh beri susu dia, walaupun sekarang ini ada susu tiruan. Walaupun dalam aspek itu tetapi dalam aspek kesabaran sahaja sebagai contoh, kalau diberi kepada lelaki menjaga bayi, dua jam boleh lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diberi sampai sehari saya rasa 'benggol' budak itu. Maka, diberi kepada wanita dalam tanggungjawab hari ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan Marang. Marang nampaknya ada masa duduk di Kuala Lumpur, ingat berada di Terengganu sebab sudah dekat dengan Kelantan. Ada masa datang ke mari? Tidak fahamlah, bertanya dari tadi. Bagaimana keadaannya, katalah satu keluarga isterinya tidak ada, bapanya sudah semestinya dipertanggungjawabkan membesarkan anaknya. So, saya hendak minta teori Yang Berhormat, bagaimana keadaan itu berlaku?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat pun tahu jawabannya. Kalau isteri tidak ada dia boleh cari isteri lain. *[Ketawa]* Dia boleh cari penjaga daripada kaum wanita di kalangan keluarga dia dan mesti ada masa, senang sahaja hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Itu sebagai satu contoh, maka begitulah dalam pembahagian pusaka dan pembahagian harta benda. Mengapa Islam telah menyebut bahawa sesuatu nilai dan diberi pahala kepada seseorang ialah berdasarkan kepada sejauh mana seseorang itu menunaikan tanggungjawab. Firman Tuhan *[membaca sepotong ayat Quran]* - “*Wahai manusia, sesungguhnya Kami jadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan di antara satu sama lain dan yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa, yang paling menunaikan tanggungjawabnya terhadap Tuhan, terhadap agama, terhadap keluarga dan terhadap masyarakat, itulah yang paling mulia di kalangan kamu*”. Maka pembahagian pusaka di dalam Islam....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mengapa - nanti saya habis sekejap - mengapa diberi kepada kaum lelaki sekali ganda daripada kaum wanita. Walaupun diberi sekali ganda tetapi mereka dibebankan dengan kewajipan dan tanggungjawab untuk menjaga keluarga, untuk menjaga adik

beradik yang perempuan. Ini diberi tanggungjawab kepada mereka dan kaum wanita ada suaminya kalau dia berkahwin, ada harta suaminya di samping diberi hak harta sebahagian daripadanya dan lelaki, walaupun ada harta ada tanggungjawab yang diwajibkan di mana diberi harta untuk mengikat kaum lelaki dengan suatu tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada saudara-saudara perempuan dan lain-lain lagi. Ini diikatkan dengan tanggungjawab.

Umpamanya, sebagai satu contoh, dalam perkara pembahagian kepada ibu diberi satu pertiga sekiranya tidak ada anak-anak lelaki dan perempuan, sekiranya tidak ada saudara-saudara kepada simati, maka diberi kepada ibu satu pertiga. Kalau ada maka diberi satu perenam sahaja kepada ibu, ini adalah pembahagian yang berdasarkan kepada secara bertanggungjawab, sebagai suatu contoh. Bukan untuk menambah hak wanita tetapi untuk memberi kewajipan kepada kaum lelaki untuk menggunakan harta itu bagi memberi nafkah kepada saudara-maranya yang lain. Dalam perkara wasiat saya suka juga memberi penekanan dalam perkara wasiat mengapa.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yan yang dulu tadi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Marang. Tuan Yang di-Pertua, memanglah tadi Yang Berhormat membaca ayat Al-Quran itu tepat sekali dan ini jelas agama Islam ini agama yang paling maha suci, cuma

tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Tuhan menjadikan makhluknya berpuak-puak dan kenalah kamu berkenal-kenalan dan berbaik-baik di antara satu sama lain. Adakah Yang Berhormat akan menghayati ayat tersebut dan kita boleh berbaik-baik sesama umat dan sesama seagama di tanah air kita ini dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk memulakan jejak langkah daripada pihak parti Yang Berhormat terutama sekali di Semerak [*Ketawa*] untuk jangan bertikam lidah dan kita berkempen secara suci, secara saudara dan biarlah Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukan kemenangan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat, bersetuju atau tidak? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sebenarnya itulah yang sedang dilakukan di Semerak, yang sedang dilakukan sekarang dan berlaku sekarang di mana berjalan. Ini tidak berkait dengan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat boleh pergi ke sana dan melihat sendiri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi saya ini bertanya oleh kerana memang kurang jelas. Tadi, daripada perbincangan Yang Berhormat Marang tadi mengatakan di sebalik tiap-tiap pemberian itu ada tanggungjawabnya. Jadi, umpamanya kalau ada adik beradik - seorang perempuan dan seorang lelaki, pembahagiannya yang silelaki mendapat dua

bahagian dan yang siperempuan mendapat satu bahagian tetapi dalam keadaan zaman moden ini yang mana abang tidak bertanggungjawab kepada adik dan adik tidak bertanggungjawab kepada abangnya daripada segi kehidupannya, adakah daripada perbincangan Yang Berhormat itu tadi pembahagian satu dua ini tidak mutlak ataupun mutlak pembahagiannya?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya silelaki tidak menunaikan tanggungjawab, dalam Islam perhitungannya bukan sekadar dia boleh makan harta benda di atas dunia itu sahaja tetapi dia mempunyai persoalan selepas dia meninggal dunia. Dia akan dibebankan dengan masalah dosa dan pahala. Sekiranya dia tidak menunaikan tanggungjawab, maka ia menjadi suatu bebanan yang berat, bukan sahaja dia tidak menunaikan tanggungjawab terhadap keluarganya tetapi dia tidak menunaikan tanggungjawab terhadap bahagian harta benda yang diberi kepadanya.

Walaupun demikian, kaum lelaki dibolehkan untuk memberi haknya kepada kaum wanita walaupun dia dapat sekali ganda, kalau dia hendak beri kepada saudara dia secara sukarela, Islam tidak menghalang dalam perkara ini tetapi diberi bahagian itu untuk mengikat mereka dengan tanggungjawab terhadap keluarga.

Saya beralih kepada perkara wasiat, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara wasiat, yang pertama, mengapa Islam mengatakan [*membaca sepotong*

Hadis]- sebagaimana yang disebut dalam Hadis Nabi s.a.w. “*Tidak boleh diberi wasiat kepada keluarga yang berhak menerima pusaka kerana keluarga yang berhak menerima pusaka, dia telah mengambil bahagian pusakanya*”.

Yang keduanya, kalau diberi wasiat untuk diberi harta kepada keluarga yang tertentu, ini boleh menimbulkan perpecahan di kalangan yang dapat harta secara wasiat dan yang tidak mendapat harta melalui wasiat. Oleh kerana itu, Islam melarang kecuali diizin oleh waris-warisan yang lain yang bersedia untuk membenarkan wasiat itu diluluskan. Ini adalah untuk memelihara kepentingan keluarga. Kemudian wasiat yang hendak diberi kepada orang lain tidak boleh lebih dari satu pertiga. Satu pertiga sahaja dibenarkan wasiat, tidak boleh diberi lebih daripada itu. Dua pertiganya hendaklah diberi kepada keluarga yang berhak menerima pusaka walaupun bukan daripada anak isteri, bukan daripada anak-anak, bukan daripada saudara. Diberi kepada - walaupun di sana ada bapa saudara umpamanya yang berhak menerima pusaka oleh kerana simati ini tidak senang kepada bapa saudaranya kerana dia tidak ada anak, sebagai contoh, tetapi dinyatakan bahawa ini adalah masalah maruah setelah dia meninggal dunia mengapa keluarga menjadi fakir sebagaimana yang disebut dalam Hadis Nabi s.a.w. [*Membaca sepotong Hadis*].

“1/3 yang diberi wasiat itu adalah besar, adalah banyak.

Sesungguhnya kamu meninggalkan keluargamu dalam keadaan

berharta lebih baik daripada kamu meninggalkan keluargamu dalam keadaan papa, meminta sedekah melalui orang lain.”

Dia ada harta, seorang korporat yang meninggal dunia, dia beri wasiat kepada yang lain, tidak diberi kepada keluarganya walaupun yang berhak menerima pusaka di mana keluarganya dalam keadaan melarat. Orang akan menyebut, keluarga siapa yang meminta sedekah itu? Akan disebut, ini keluarga sianu bin sianu. Di mana bahagian harta ini? Ini masalah maruah. Oleh kerana itu, 2/3 hendaklah ditinggalkan kepada keluarga yang boleh menerima pusaka dan 1/3nya dibenarkan wasiat kepada yang paling besar, walaupun undang-undang ini tidak menyentuh orang-orang yang bukan Islam. Saya terpaksa menerangkan mengapa hikmat pembahagian ditentukan oleh Islam dengan cara yang demikian rupa.

Akhirnya, saya ingin memberi perhatian, saya bukan hendak bela Yang Berhormat dari Yan, saya hendak bela semua dalam masalah pertandingan ratu cantik, mengapa tindakan diambil dan tidak diberitahu terlebih dahulu. Kita perlu tahu bahawa dalam perkara undang-undang ini, ada perkara yang diketahui oleh umum dan ada perkara yang tidak diketahui oleh umum. Perkara yang diketahui oleh umum, umpamanya dadah itu adalah tidak dibenarkan, adalah memberi mudarat. Ini diketahui oleh semua orang. Oleh kerana itu, apabila polis hendak mengambil tindakan terhadap pengedar dadah, maka tidak bijak polis beritahu dahulu, kami hendak buat operasi. Ini tidak bijak, kerana

perkara ini sudah diketahui oleh umum. Dalam perkara yang tidak diketahui, ini perlu diberitahu. Dalam perkara ratu cantik, ini perkara yang diketahui oleh umum, tiap-tiap individu di kalangan orang Islam, maka pemberitahuan dianggap tidak perlu kerana perkara ini adalah perkara yang diketahui. Masalah hendak ambil tindakan kepada bina badan, ini terpulang kepada kuasa undang-undang itu sendiri yang perlu diperluaskan. Dalam hal ini, kita tidak boleh menggunakan aspek ini untuk memperkecil dan melekehkan tindakan dalam aspek tersebut.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar.

3.48 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap 5 ke-7 minit, macam itu sahaja, ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya menyokong undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memberikan satu peruntukan yang lebih terang dan jelas supaya pembahagian harta kepada keluarga berkenaan boleh dibuat dengan licin, tetapi saya hanya bertanya persoalan.

Persoalan yang pertama, kalau simati itu orang bukan Islam tetapi mempunyai salah seorang daripada keluarganya telah menjadi Islam, jadi

macam manakah pembahagian harta itu, adakah pembahagian mengikut undang-undang ini sebagai mutlak ataupun tiada. Oleh kerana saya bangkitkan perkara ini sebagai satu benda praktikal. Kalaupun tidak berlaku di Semenanjung Malaysia, tetapi berlaku di Sarawak. Barang siapa (anak kepada siapa) hendak memasuki agama Islam, dia terpaksa dikehendaki menandatangani satu surat yang mengatakan dia tidak akan menuntut harta daripada bapanya sebelum berkahwin sebelum memasuki agama Islam. Dengan sendirinya atas paksaan yang sedemikian, yang dikehendaki oleh prosedur-prosedur kerajaan, yang dia tidak boleh lagi menuntut harta. Jadi, di mana letaknya? Sama ada dia menandatangani berlandaskan paksaan, dia perlu semasa dia hendak memasuki agama Islam itukah ataupun undang-undang inikah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya berasa ada satu peraturan yang tidak sesuai, tidak munasabah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, peraturan-peraturan yang sedemikian tidak mendatangkan keadilan sebagaimana dijanji dalam undang-undang yang sebegini. Kalau perkara sedemikian, sebagaimana yang telah berlaku 20 tahun dahulu kepada saya sendiri, kerana isteri saya keturunan Tionghoa dengan Portugis - orang bukan Islam, penganut agama Kristian. Semasa mengahwini saya, dia terpaksa menandatangani satu surat walaupun bapa dia mempunyai harta benda yang

banyak, saya bukan hendak harta benda dia, tetapi hakikatnya kalau berlaku kepada orang yang berkehendakkan harta benda ini yang dia tidak mendapat harta benda daripada bapa dia yang sepatutnya dijanji kalau undang-undang ini dilaksanakan nanti mendapat di bawah ini, yang mana satu? Yang dia tandatangani 20 tahun lepas ataupun undang-undang inikah akan memberi harta kepadanya? Kerana.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapakah yang mengadakan peraturan itu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Macam dia kalau hendak masuk agama Islam, dia pergi ke pejabat kadi dan diserahkan satu borang mengatakan dia tidak akan tuntutan harta benda daripada bapa dia. Jadi, maknanya ada satu sistem dalam agama di negeri Sarawak itu mengatakan dia terpaksa berbuat demikian, kalau tidak, dia tidak boleh jadi orang Islam. Ganjilnya yang ini. Jadi, keadilan yang dijanji oleh undang-undang tidak dapat dibuat oleh kerana dia dipaksa di bawah keadaan yang tertentu yang dia tidak dapat menerima hak daripada yang patut diterima di bawah undang-undang.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah tindakan-tindakan susulan akan dibuat supaya perkara yang berlaku, yang saya sebutkan tadi, tidak seterusnya berlaku dan keadilan yang dijanjikan oleh undang-undang ini sepatutnya jangan berlaku. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kalau perkara ini reverse,

dengan izin, umpamanya kalau sibapa itu adalah seorang Islam, tetapi salah seorang daripada keluarganya, kalau bapa mertuanya ataupun bapa dia, macam isteri saya, keluarga dia ada yang belum Islam, kalau berlaku kematian, undang-undang yang akan membahagikan harta ialah di bawah Undang-undang Syariah.

Jadi masih ada conflict of law, dengan izin, di antara Undang-undang Syariah dengan Undang-undang Sivil yang berlaku. Yang Syariah mengatakan, yang bukan beragama Islam tidak berhak menuntut harta daripada orang yang beragama Islam. Tetapi kalau dia orang Islam, dia patut menerima di bawah Undang-undang Islam. Tetapi oleh kerana dia bukan Islam, dia tidak layak menerima yang sepatutnya diberi kepada dia. Jadi, adakah kerajaan melihat the conflict of law di antara Sivil dan Syariah ini sudah diselaraskan ataupun belum di dalam keadaan masyarakat yang majmuk supaya diatasi. Jadi, perkara sedemikian bukan sahaja daripada segi teori dan prinsipnya, tetapi dari segi praktikalnya.

Satu lagi misalan yang saya hendak sebut, saya sudah janji tadi bercakap 5 minit, tidak jadilah, Tuan Yang di-Pertua, tarik baliklah 5 minit itu. *[Ketawa]* Umpamanya berlaku di Sarawak, seperti Yang Berhormat tadi bercakap, mengatakan dahulu orang bangsa Tionghoa boleh kahwin dua ataupun tiga, mengikut adat resam dia, tetapi ini juga berlaku di negeri Sarawak, kahwin di antara orang native, selain daripada orang Islam, boleh dilakukan di negeri

Sarawak yang mengikut adatnya yang mana perkahwinan ini diiktiraf sebagai perkahwinan yang halal di bawah undang-undang yang ada pada kita sekarang ini. Jadi, berlaku perkahwinan yang sedemikian, ada dua, tiga orang anak.

Ada benda yang benar-benar berlaku baru datang ke pejabat saya dua, tiga minggu ini yang saya fikir memang ada satu masalah. Seorang isteri berbangsa Cina dan seorang lagi isteri Iban. Jadi, siapa yang hendak ambil letter of administration kalau tidak ada persetujuan di antara dua keluarga ini, satu keluarga Cina dan satu lagi keluarga Iban, kerana si bapa ini seorang Cina. Maknanya, kalau dalam konteks negeri Sarawak, dia terpaksa pergi ke Public Trustee Office untuk dapatkan letter of administration kalau dia orang native, dia pergi ke pejabat daerah untuk mendapatkan letter of administration. Bukan sahaja dua agensi yang bertanggungjawab untuk memberikan surat kuasa kepada dua keluarga, seorang bapa, tetapi dalam keadaan sedemikian kalau berlaku kepada orang yang kaya, saya berbalik lagi kalau orang bandar, mungkin masalah ini boleh dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan membuat satu penetapan. Penetapan itu nanti boleh diikuti oleh pihak-pihak yang tertentu, kalau tidak, dia boleh buat contempt of court dan sebagainya.

Tetapi kepada masyarakat yang miskin, orang kampung, orang luar bandar, benda ini jadi satu benda yang tidak dapat diselesaikan selama-lamanya melainkan undang-undang 'step in', menyelaraskan perkara-perkara ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat kita daripada mungkin undang-

undang yang kita warisi daripada dahulu yang mana orang kita mempunyai satu mentaliti yang senang dirunding, senang diajar dan senang dipandu. Tetapi pada masa sekarang, banyak anak ini ada bersekolah tinggi, anak ini sudah masuk universiti. Jadi, di antara dua anak yang bersekolah tinggi, satu dapat dan satu lagi tidak dapat, walaupun at the end the result dia nanti, dengan izin, satu pun tidak dapat.

Dalam soal pembahagian harta, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi masalah. Walaupun undang-undang telah menetapkan pembahagian sedemikian, umpamanya undang-undang tanah kita. Undang-undang tanah di England 'sistem torrent' yang kita warisi daripada Australia, yang mana kita sepatutnya mewarisi daripada England dahulu yang mana tenure dia berlainan sedikit. Dalam keadaan yang mana kalau dua atau tiga adik-beradik own satu property dalam tanah (land).

Kalau di England, dua adik-beradik atau tiga adik-beradik atau semua adik-beradik yang holding the land is in trust for sale. Maksudnya, salah seorang daripada mereka atau kesemua mereka boleh bersetuju menjual harta benda itu supaya dibahagikan hak-hak daripada harga harta. Tetapi di sini, tidak ada undang-undang yang sedemikian yang mana harta benda dipunyai oleh dua ataupun lebih orang ini di bawah 'trust for sale'. Maksudnya, hak ini pergi kepada tanah itu dan tidak seorang pun boleh membahagi harta itu melainkan semua bersetuju menjual. Ini tidak ada keadilan. Kalau seorang daripada anak

itu duduk di satu tempat itu, yang lain-lain itu sampai mati, bila-bila masa pun dia tidak dapat menuntut hak itu kerana salah seorang daripada adik-beradik dia akan duduk di tanah itu. Pembahagian tidak dapat dibuat, mahkamah tidak berkuasa memberi hak pembahagian kepada tuan punya tanah yang sedemikian.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mengalu-alukan pindaan undang-undang sedemikian tetapi belum mencukupi untuk kita membahagikan harta dan sebagainya. Jadi, keadilan sepatutnya dilihat secara menyeluruh, bukan kita pandang kepada benda-benda yang boleh alih, tetapi juga kepada benda yang tak boleh alih, benda yang bermasalah. Ini menyelaraskan pembahagian daripada segi teorinya yang $\frac{1}{3}$ kepada anak, $\frac{1}{3}$ kepada bapa umpamanya. Tetapi macam mana kalau berlaku $\frac{1}{3}$ itu hal tanah yang salah seorang tidak hendak jual, dia duduk di rumah itu, how to split the grass, dengan izin, peguam di sini tahu. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat berucap berkenaan perkara yang di dalam undang-undang ini menimbulkan seorang yang mati tidak berwasiat. Tetapi jikalau sekiranya seorang itu mati berwasiat dan ditinggalkan hartanya kepada orang lain, bukan waris-warisnya, bagaimana agaknya?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya 5 minit sahaja saya mukadimah, Tuan Yang di-

Pertua. Ya, kalau orang mati tanpa wasiat, yang pertama, who will bring the case to court, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua sebagai hakim dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mesti orang yang ada letter of administration, dan macam mana hendak mengambil letter of administration, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang saya kata tadi ini ialah dia berwasiat dan dia tinggalkan hartanya kepada rumah-rumah kucing umpamanya. Bagaimanakah kedudukan ataupun patut atau tidak. Oleh kerana di England mereka telah membuat satu undang-undang lain dipanggilkan Family Provisions Act. Kita di sini ada atau tidak Family Provisions Act yang mana salah seorang daripada warisnya boleh meminta supaya wasiat itu dibatalkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana menolong saya dalam soal amat kompleks. Masalah kita ada dua perkara. Pertama, pembahagian harta. Kedua, proses pembahagian. Walaupun terang dijelaskan dengan undang-undang, tetapi proses pembahagian kadang-kadang tidak jelas. Pembahagian mestilah ada satu kuasa arbitrary yang boleh dictate. Yang ini tidak ubahlah umpama pembahagian yang disebutkan dalam declaration of Mufti. Kalau seorang Mufti membuat satu pengagihan harta yang anak lelaki mendapat dua bahagian, perempuan mendapat satu bahagian, ibu dapat satu pertiga umpamanya, soalnya siapa akan

menguatkuasakan pembahagian itu. Kalau tidak, maknanya dari segi teori pembahagian ada, tetapi nikmat tidak dapat.

Jadi, dalam keadaan sedemikian sepatutnya tiap-tiap undang-undang yang digubal (procedural matters) untuk membawa perkara itu supaya dapat merealisasikan bahagian-bahagian yang dikehendaki oleh undang-undang mestilah juga diselesaikan. Jadi, dengan keadaan sedemikian saya mencadangkan pihak kerajaan supaya melihat soal procedural matters, iaitu macam mana kuasa dan siapa yang berkuasa untuk memanggil pihak-pihak yang tertentu supaya perkara ini dibahagikan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia kerana undang-undang ini akan dilaksanakan keseluruhannya. Kita mesti pandang juga apa yang berlaku di Sarawak, di Sabah, kerana undang-undang di sana ada berlainan sedikit soal pembahagian harta. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, undang-undang yang kita anggap akan dilaksanakan di seluruh negara mestilah mempunyai satu peruntukan yang boleh dilaksanakan di seluruh negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dengan kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya janji 5 minit tadi, kalau saya banyak lagi celoteh mungkin tidak dapat procedural matters pun sampai substantive matters pula nanti. Jadi, dengan itu saya menyokong dan saya berharap konflik itu boleh diatasi dan procedural

matters itu boleh digubalkan satu peruntukan agar apa yang dikehendaki oleh undang-undang itu boleh dilaksana dan pihak-pihak yang berhak patut menerima di bawah undang-undang ini patut menerima apa yang dijanjikan oleh undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.04 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berucap dengan panjang, cuma satu dua point sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang ini. Saya telah membangkitkan peri mustahaknya dalam Dewan yang mulia ini untuk meminda semua undang-undang yang mendiskriminasikan kaum wanita termasuk Akta Pembahagian, dan ini telah dibangkitkan bertahun-tahun. Sekarang kita berpeluang untuk menyaksikan rang undang-undang ini. Adalah diharapkan bahawa rang undang-undang yang lain seumpama Guardianship of Infants Act akan dipindahkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini merupakan pindaan yang munasabah. Terutama istilah “suami atau isteri yang menakat” telah ditukarkan kepada “pasangan yang menakat”. Kedua, peruntukan yang jelas mengenai hak ibu dan bapa yang menakat dalam

pembahagian harta seorang simati tidak berwasiat. Dalam usaha untuk memastikan pembahagian harga yang sama rata dari segi jantina dan untuk mewujudkan sebuah masyarakat penyayang, masyarakat beradab kita haruslah juga melihat rang undang-undang ini dari segi kelicinan untuk menguatkuasanya.

Masalah penguatkuasaan, pertama, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat petition bagi LA. Ibu dan bapa mengikut rang undang-undang ini akan dipanggil untuk menghadiri mahkamah bagi menjadi pentadbiran-pentadbir bersama (joint administrators) untuk harta (estate). Mereka juga akan ditanya sama ada mereka mahu menerima harta (estate) ataupun tidak. Kalau tidak, mereka akan membuat mengikut prosedur yang tertentu untuk memberi semua harta itu kepada seorang pasangan yang menakat. Masalahnya, jika seorang pasangan atau isteri itu dan ibu dan bapa simati yang tidak berwasiat itu ada pertikaian ataupun sepanjang tahun tidak juga menemui, ada masalah perhubungan di antara isteri dan ibu bapa simati tidak berwasiat. Maka timbullah masalah untuk mendapat petition ini, boleh mengambil masa berbulan-bulan atau sehingga bertahun-tahun. Ini masalahnya.

Kalau seseorang itu berada ataupun terpelajar, mungkin dia akan adakan wasiat. Tetapi bagi orang yang berpendapatan rendah ataupun tidak terpelajar, mungkin tidak akan ada wasiat. Kita tahu orang seperti ini isterinya mungkin tidak bekerja. Kalau seorang isteri yang tidak bekerja bagaimana dia dapat

membuat petition untuk mendapat LA dengan cepat, kerana dia perlukan wang ini. Itu masalah yang timbul dan perlu dikaji oleh kementerian supaya pada masa hadapan kita dapat membentangkan pindaan yang baru untuk mengatasi masalah halangan ataupun kebuntuan untuk mendapat petition LA ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah LA kadangkala dengan undang-undang yang ada sekarang yang mendiskriminasikan wanita, kita pun kadangkala menyaksikan kesulitan yang timbul dan mengambil masa yang panjang untuk memujuk pendaftar bagi menerima surety, jamin-jamin. Ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengkaji sama ada kesulitan seumpama ini akan berlaku dengan penguatkuasaan rang undang-undang ini. Kadangkala Pendaftar enggan menerima surety untuk petition LA.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ibu dan bapa yang menakat uzur, terlalu tua ataupun dimasukkan di dalam hospital, macam mana ibu dan bapa ini dapat membantu seorang pasangan ini yang menakat. Sebab dalam rang undang-undang ini tidak disebutkan hal-hal seperti ini, mungkin walaupun hasrat pun baik, cita-cita pun baik, tetapi dari segi penguatkuasaan dengan terperinci mungkin tidak dapat diketahui buat masa ini. Walau bagaimanapun, kalau seorang pasangan yang menakat ini menghadapi masalah-masalah untuk mendapat waris yang next friend, iaitu guardian ad litem, mungkin satu masalah akan timbul, kerana tidak dapat ibu bapa simati yang tidak berwasiat tidak dapat membantu seorang pasangan yang menakat dan dia terpaksa mencari kawan yang lain yang sesuai, suitable next friend or guardian ad litem untuk memihak kepada ibu dan bapa di bawah Order 76 Rules of Act 80. Ini akan menimbulkan masalah dan akan menambahkan perbelanjaan kepada seorang pasangan yang membuat petition itu, apakah pihak kementerian akan

buat untuk mengatasi masalah seumpama ini supaya semua petition yang dibuat oleh seorang pasangan yang menakat tidak mengambil masa yang begitu panjang, tidak begitu susah.

Jika seorang ibu atau bapa simati yang tidak berwasiat yang tidak mahu bekerjasama dengan seorang pasangan yang menakat dan ibu dan bapa hendak mendapat pembahagian satu perempat bahagian, misalnya ke atas rumah, matrimonial home, dia hendak dapat bahagian suku, satu perempat, dia tidak mahu memberi kepada seorang pasangan yang menakat itu, apakah boleh dibuat. Masalah ini mungkin berlaku, ibu dan bapa tidak mahu menyerahkan sebahagian daripada harta itu ataupun rumah itu kepada seorang pasangan yang menakat, apa yang boleh dibuat dengan masalah ini? Saya diberitahu bahawa biasanya hakim yang arif, yang ada budibicara dapat memberi hak ini kepada isteri ataupun dapat menjualkan rumah ini. Kalau dijualkan, maka isteri dan anak-anak tidak dapat rumah. Ini masalahnya. Semua ini saya diberitahu bahawa berdasarkan kepada kearifan hakim.

Yang Berhormat Timbalan Menteri/dan juga Yang Berhormat dari Padang Terap, Padang Terap memang tidak ada pengalaman dalam hal ini seperti saya juga. Cakap sahaja di situ.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya menyeru supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengawal, monitor penguatkuasaan rang undang-undang ini agar segala kelemahan atau halangan seperti kesusahan seorang pasangan yang manakat, yang wujud dapat diberi perhatian dengan sepenuhnya, seterusnya pindaan-pindaan baru hendaklah digubalkan untuk menyelesaikan masalah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin menyeru supaya kementerian tersebut dengan masa yang wajar membentangkan ataupun menyeru kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya membuat pindaan yang baru untuk menyelesaikan masalah yang telah saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lumut, Kota Melaka, Padang Serai, Marang, Batang Lupar dan terakhir sekali Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perdebatan rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut ada membangkitkan berkenaan dengan beliau merasakan iaitu pembahagian terhadap harta pusaka yang diagihkan di antara zuriat isteri dan ibu bapa adalah tidak adil di mana beliau telah mencadangkan supaya 60% diberikan kepada anak iaitu zuriat, 15% kepada ibu bapa dan 25% diberikan kepada isteri ataupun suami yang dianggap oleh beliau lebih adil. Tetapi, sebenarnya kerajaan memandangkan iaitu bahawa anak-anak itu merupakan mereka yang masih muda dan mereka

mempunyai masa depan, keupayaan, kebolehan untuk bekerja dan mereka boleh membiayai kehidupan mereka sendiri.

Kita tidak bercadang untuk menghadiahkan kepada anak-anak ini harta pusaka sebagai hadiah, kita sebenarnya memberikan pengagihan ini mengikut keadilan bukan untuk diberikan sebagai hadiah kepada mereka, kerana kita mahu supaya mereka sebenarnya di masa akan datang untuk bekerja kerana mereka mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk bekerja. Walhal ibu bapa ini sudah tentulah umurnya sudah lanjut dan uzur dan walaupun mereka kadangkala setengahnya ada pencen tetapi pada keseluruhannya setengahnya tidak ada pencen. Sebab itu, disabitkan oleh kerana mereka ini umurnya jauh lebih lanjut daripada anak-anak yang ditinggalkan oleh simati maka kita merasakan iaitu bahawa pengagihan yang dibuat ini adalah adil kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lumut juga membangkitkan masalah di mana iaitu kadangkala ada di kalangan simati ini dalam masyarakatnya, mereka bernikah lebih daripada satu. Sebenarnya, kita hanya boleh mengeluarkan undang-undang berdasarkan perkara yang sah sahaja. Oleh kerana itu, kita tidak mengambil kira mereka yang bernikah lebih daripada satu di mana masyarakat itu sebenarnya tidak diizinkan untuk menikah lebih daripada satu.

Jadi, kalau dia bernikah lebih daripada satu, dia ada anak-anak daripada isteri yang lain dan kalau perkahwinan itu tidak dianggap sah oleh undang-undang, maka kita tidak boleh dengan izin, legislate kepada satu perkara yang tidak sah dari segi undang-undang. Tetapi kita mengajak merekalah supaya kalau berkahwin lebih daripada satu itu, tinggallah wasiat ya. Ini berkenaan dengan mereka yang tidak meninggalkan wasiat.

Jadi, kalau sekiranya undang-undang mengizinkan mereka berkahwin lebih daripada satu, kita tidak ada masalah. Maknanya kalau undang-undang kata mereka boleh berkahwin empat atau lima - tidak ada masalah. Kerana anak-anak yang keluar daripada hasil perkahwinan yang kedua, ketiga, keempat atau kelima itu merupakan perkahwinan yang dianggap sah oleh undang-undang.

Jadi, sebab itu, di sini kita hanya mengambil kira anak-anak simati yang di mana perkahwinannya itu adalah sah daripada segi undang-undang, lebih daripada itu, saya ingat sisuami harus bertanggungjawablah kalau berkahwin lebih daripada satu, dia kena tinggallah wasiat. Kerana kita berbincang tentang masalah simati yang meninggal tanpa wasiat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka banyak bercakap perkara yang umum sahaja dan dia tidak menjurus kepada rang undang-undang ini. Sebenarnya saya melihat tadi, apabila dia berucap dia sebenarnya sebagai 'spokesman kerajaan' kerana apa yang dia sebutkan itu,

itulah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan saya sebenarnya juga sedang menunggu oleh kerana dia menunjukkan dirinya sebagai orang yang memperjuangkan hak-hak wanita. Saya sampai sekarang menunggu saya ingat tahun lepas saya ada bertanya soalan yang sama kepada dia, dia membela kaum wanita. Saya hendak tanya dia, sama ada isteri dia dipanggil Mrs. Lim ataupun isterinya mengguna nama keluarga dia sendiri.

Sebab pada saya, kalau kita bercakap tentang hak keadilan dan saksama, maka tidak semestinya isterinya itu harus dipanggil Mrs. Lim. Apabila dipanggil Mrs. Lim bermakna dalam masyarakat dia, dia tidak adil lagilah, sebab kalau keluarga isteri dia nama Goh, sepatutnya dia jadi Mr. Goh, itu baru adil, bermakna runding sama-sama, hendak pakai nama keluarga siapa?

Jadi, pandai bercakap sahaja, tetapi kalau masih lagi menerima cara lama, saya ingat orang tidak akan yakin dan percaya dengan apa yang dia hendak bawakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan soal undang-undang yang bersifat diskriminasi terhadap wanita, di mana dia mengatakan iaitu bahawa kita membuat semua ini secara peace mill dan tidak membuat secara keseluruhannya.

Saya rasa dia tidak ada pengalaman duduk dalam kerajaan, jadi saya tidak akan salahkan dialah, sebab apabila kita meminda rang undang-undang kita bukan apabila ada sahaja rang undang-undang ini yang tidak memihak

kepada wanita atau apakah, bukan serta merta kita boleh buat. Banyak rang undang-undang dalam negara kita dan kita terpaksa apabila hendak meminda, kena kaji dan kajian ini, pindaan ini terpaksa dibuat peace mill kerana kita terpaksa melihat satu persatu rang undang-undang ini. Ia bukan macam hendak mengubah kalau rang undang-undang itu dahulu menggunakan perkataan 'Malaya', jadi, sekarang ini kita hendak guna perkataan 'Malaysia', maka kita boleh pinda semua. Itu mudah dibuat, mana sahaja ada perkataan 'Malaya' tukar kepada 'Malaysia'. Dua hari boleh habis. Tetapi soal undang-undang yang tidak memihak kepada wanita ini, kita terpaksa melihat satu persatu dan kita kena kaji dan apabila sudah kita mengkaji dan menerima pandangan daripada pelbagai masyarakat, baru kita pinda.

Dalam perdebatan saya dengar dalam Dewan ini selama dua, tiga minggu di mana pihak pembangkang mengatakan bahawa kita perlu menerima pandangan daripada pelbagai masyarakat, itulah yang kita buat, sebab itulah benda ini lama sedikit, tetapi yang penting ialah kita bersetuju iaitu bahawa wanita tidak sepatutnya didiskriminasikan. Kerajaan memang menyokong perkara ini, sebab itu kita kena mengkaji dan apabila kita sudah bersedia, kita buat persediaan itu daripada persiapan rang undang-undang, bukan bersedia daripada sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju. Kita sudah bersetuju tetapi rang undang-undang pindaannya ini akan memakan masa dan saya berharap supaya beliau tidaklah memikirkan iaitu bahawa kalau terlewat sedikit

iaitu seolah-olah kita half-heartedly, dengan izin, untuk menyokong anti diskriminasi terhadap wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, misalnya Guardianship of Infants Act, sebenarnya dalam kajian dan menjadi keutamaan untuk kerajaan memindanya. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mendapat maklumat dari pelbagai pihak terutamanya aktivis wanita tentang undang-undang yang mendiskriminasikan mereka. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada membangkitkan soal Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW), dengan izin. Kerajaan sedang mengkaji CEDAW khususnya mengenai reservation yang bercanggah dengan Hukum Syariah dan adat istiadat negara ini. Perkara ini adalah menjadi keutamaan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, apa yang kita buat ialah kita meneliti semua akta-akta yang ada dan kita akan meminda mereka apabila setelah kajian dibuat dan semuanya telah diambil maklum, maka kita pinda.

Sebab itu, ia memakan masa sedikit, tetapi ini bukan bermakna bahawa kita secara, dengan izin, half-heartedly, kita lambatkan kerana tidak bersetuju. Ini langsung adalah tidak benar seperti yang hendak dinampakkan oleh beliau di dalam hujahnya pada sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga ada membangkitkan beberapa perkara, yang sebenarnya menyokong apa yang hendak kita laksanakan, cuma saya hendak sebut di sini, ini saya sudah bangkitkan banyak kali masalah Marang ini. Bila dia berhujah, dia bercakap, dia lari keluar. Dia tidak mahu dengar apa yang kita hendak jawab. Dia marah kepada Padang Serai iaitu berkenaan dengan soal ratu cantik di mana apabila dibangkit soal tiga wanita yang digari. Ini bukan soal kita tidak menghormati agama Islam. Kita faham iaitu bahawa bagi mereka yang beragama Islam, ada undang-undang Islam yang dilaksanakan terhadap mereka yang menganuti agama Islam, soalnya di sini ialah pendekatan yang dibuat.

Saya bersetuju dengan Parit, saya bersetuju dengan Padang Serai iaitu bahawa pendekatan yang dibuat oleh mereka yang menguatkuasakan undang-undang ini sebenarnya dia sendiri tidak memahami perkara ini, Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi membangkit soal, dia kata, ada perkara yang perlu disembunyikan kerana hendak menangkap orang.

Saya hendak memberitahu di sini iaitu bahawa dalam agama Islam, kita mencegah kemungkaran, penggunaan perkataan 'mencegah' itu bermakna kalau sebolehnya kita jangan berikan perkara itu berlaku. Jangan izinkan perkara itu berlaku. Yang kita pertikaikan ini ialah sebenarnya yang menguatkuasakan undang-undang ini, dia telah tahu bahawa tiga wanita Islam ini hendak mengambil bahagian di dalam satu pertandingan yang mendedahkan

aurat mereka. Mengapa, kita hendak tanya, mengapa mereka tidak pergi berjumpa dengan penganjur ini dan memberitahu bahawa tiga wanita Islam ini tidak boleh mengambil bahagian. Mengapa mereka membeli tiket dahulu, duduk depan, tengok didedahkan semua. Lepas itu pergi tangkap depan orang ramai. Bermakna bahawa mereka ini lebih berminat bukan untuk mencegah kemungkaran tetapi sebenarnya untuk menghukum orang.

Sebab kepada saya ‘cegah’ maknanya jangan izinkan benda itu berlaku yang perkara ini dia boleh buat, tetapi yang kita tidak faham, mengapa dia beli tiket, dia duduk, dia tengok bukan tiga wanita Islam ini sahaja, yang lain pun dia tengok yang mendedahkan aurat mereka, dia sudah seronok, dia tengok, lepas itu baru naik atas hendak gari, hendak tangkap dia.

Kalau dia betul-betul memahami mencegah bermakna sebelum perkara itu berlaku, sepatutnya dia telah berjumpa dengan pihak penganjur, beritahu bahawa tiga wanita Islam ini tidak boleh mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik ini.

Ini pertikaian kita, bukan soal kita mempertikaikan iaitu bahawa undang-undang Islam tidak betul, ini bukan pertikaian kita, sama ada undang-undang Islam itu bagus ataupun tidak bagus, soal kita ialah penguatkuasaan dan kita hendak mengatakan di sini bahawa kita tidak bersetuju dengan cara yang dilakukan oleh mereka yang kononnya hendak mencegah kemungkaran tetapi sebenarnya mereka lebih berminat untuk menghukum daripada mencegah.

Jadi, ini saya hendak memperjelaskan di sini dan saya hendak menyatakan bahawa kita sokong apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai dan juga yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit dan langsung tidak betul apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi.

Jangan cuba hendak menjadikan isu ini sebagai satu isu agama dan seolah-olah Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai tidak memahami isu yang ada pada hari ini. Isu yang ada pada hari ini ialah diskriminasi terhadap wanita.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit - kalau betul-betul kita hendak menegakkan keadilan dalam agama Islam, jangan ambil tindakan terhadap wanita dan ratu cantik sahaja. Ambil tindakan terhadap Bujang Tahar dan Malek Noor yang mendedahkan badan mereka lebih daripada yang patut. Mengapa tidak beli tiket pergi tengok bina badan? - Duduk, bila Malek Noor ambil cup itu tangkap dia, mengapa tidak ambil? Ini jelas menunjukkan kita tidak boleh hendak menjelaskan kepada orang ramai bahawa kita tidak diskriminasi terhadap wanita. Sebenarnya memang kita mendiskriminasikan wanita!

Pergi tangkap orang main bola, hari ini Piala F.A. - tunggu dekat stadium. Saya minta tunggu di situ - tangkap satu persatu pemain bola sepak yang mendedahkan auratnya, lututnya dibuka, kaki semua berbulu! *[Ketawa]* Pergi tangkap tetapi tidak buat! Ini yang kita kata bahawa mereka diskriminasi

terhadap wanita dan saya menyokong hujah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai dan juga Yang Berhormat dari Parit dan kita jangan jadikan ini sebagai satu isu agama kerana hal agama kita faham kesalahannya. Cuma cara menguatkuasakannya tidak menggunakan fikiran tetapi lebih menggunakan emosi sahaja. Saya hendak sebut di sini bahawa mereka lebih berminat untuk menghukum daripada hendak mencegah kemungkaran dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang juga - dia tidak ada ini, saya cukup geram betul! Tiap-tiap kali macam ini - cakap, keluar! Dia membangkitkan beberapa perkara yang membandingkan pembahagian harta dengan cara faraid Islam dan juga dengan cara hari ini yang hendak kita laksanakan. Saya hendak beritahu di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu di sini bukan untuk kita hendak berdebat cara mana lebih baik - faraidkah atau dengan cara bukan faraid. Tidak perlu untuk dia hendak mari ke sini dan hendak menceritakan kepada kita apa yang kita buat ini tidak betul. Kita, dengan izin, legislate for the non-Muslim. Kalau kita hendak bercakap tentang Islam mereka yang 'subscribe' kepada Islam kita boleh faham. Jangan datang ke sini untuk membeza-beza dan menunjuk-nunjukkan bahawa ini baik, ini tidak baik. Ini tidak betul!

Sebagai contoh, kalau kita hendak bangkit soal-soal hukum faraid, orang-orang Islam yang dibesar dalam suasana Islam, dididik dengan Islam dan

dia memahami bahawa pembahagian harta terpaksa mengikut hukum faraid tetapi bagi umat yang bukan Islam, dia tidak dibesarkan dalam Islam, dia tidak dididikkan dengan cara Islam, maka tidak boleh untuk kita datang ke mari dan menunjuk seolah-olah apa yang kita buat ini tidak betul. Sebagai puasa.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan cara pendekatan yang dibawa oleh PAS ini khususnya hendak menakut-nakutkan orang bukan Islam. Kalau itulah cara dia sampai bila orang hendak tertarik kepada Islam? Bahawa cara pendekatan seperti ini - pendekatan yang begitu taksub akhirnya kelak akan merugikan Islam. Bersetuju atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya amat bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang. Memang saya bersetuju, sebab itu saya berkata iaitu untuk datang ke mari untuk membahas dan menunjukkan bahawa apa yang kerajaan hendak buat untuk mereka yang bukan Islam itu adalah tidak adil mengikut Islam, saya rasa ini satu perbuatan yang tidak akan menarik orang untuk tertarik dengan agama Islam itu sendiri. Sebab saya sudah sebut di sini bahawa untuk kita memahami pembahagian harta secara hukum faraid kita mesti dibesarkan dalam suasana

Islam. Kita kena dididikkan dengan agama Islam, baru kita boleh terima apa yang disuruh oleh Islam tetapi bagi mereka yang tidak pernah dibesarkan dalam suasana Islam, tidak pernah dididik dengan cara Islam, macam mana kita hendak paksa kepada dia?

Macam puasa, macam mana kita hendak beritahu kepada Kepong you kena puasa sebab daripada kecil dia tidak pernah berpuasa? Daripada kecil dia tidak pernah diberikan fahaman apa baiknya puasa dan saya tidak menyalahkan dia kalau dia tidak mahu berpuasa sebab ini bukan cara dia. *[Ketawa]* Jadi, tidak betul untuk dia datang ke sini dan hendak menceritakan bahawa apa yang kita buat ini adalah tidak betul.

Jadi, saya hendak jelaskan di sini bahawa soal naluri, dia bangkit naluri, mesti ikut naluri - yang lelaki dia kata mesti menjaga yang perempuan, yang suami mesti menjaga anak-anak, isteri-isteri dan lain-lain, sebab itu kena dapat lebih. Saya hendak tanya, apakah dia buta, dia tidak pernah baca surat khabar berapa perempuan yang dianiayakan, berapa ramai suami yang tinggalkan isterinya begitu sahaja? Tidakkah dia pernah dengar bahawa ada keluarga ibu tunggal? Kalau semua memahami bahawa mereka punya tanggungjawab untuk menjaga bekas isteri dan anak-anak mereka tidak mengapa. Soalnya orang ini tidak faham, lelaki sekarang tidak faham, ini masalahnya.

Lelaki sekarang mudah berkahwin, tinggal begitu sahaja. Saya percaya iaitu kita tidak akan me'legislate'kan perkara ini kalau semua orang lelaki memahami tanggungjawab mereka. Kalau dia kahwin lebihkah, apakah, dia kena jaga isterinya tetapi masalahnya kerana orang lelaki tidak faham sebab itu kerajaan tidak ada pilihan melainkan untuk me'legislate'kan undang-undang untuk melindungi wanita yang menjadi kepala keluarga, suaminya tinggalkan dia dengan anak-anaknya, tidak diberikan pembiayaan bulanan terhadap anak-anak ini.

Mereka, dengan izin, irresponsible, macam mana kita hendak melindungi siisteri-isteri yang malang ini kalau tidak kita 'legislate' untuk kepentingan mereka. Sebab itu, saya bukan hendak kata bahawa undang-undang yang kita buat ini tidak patut ikut undang-undang Islam. Saya bersetuju bahawa undang-undang Islam ini memang suci dan baik dan ianya boleh berlaku baik kalau pengikutnya, umat-umatnya betul-betul ikut ajaran agama Islam. Malangnya hari ini, orang lelaki tidak bersikap bertanggungjawab sepertimana yang diharapkan oleh agama Islam dan juga agama-agama lain. Sebab itu kita tidak ada pilihan melainkan untuk bagi mereka yang bukan Islam, kita mesti memperundang-undangkan akta yang melindungi ibu-ibu yang malang ini, yang ditinggalkan suami dan terpaksa menjaga anak-anak mereka.

Sebab itu saya katakan di sini bahawa kita jangan dok banding-banding. Hendak kata yang ini bagus, yang ini tidak bagus. Kita terpaksa 'legislate'

mengikut suasana yang ada pada hari ini bagi mereka yang tidak beragama Islam. Tadi dia bercakap di sini dia kata, apabila ditanya oleh Yan ataupun siapa saya lupa; macam mana kalau yang siadik ataupun saudara lelaki tidak menjaga siadik-adik perempuannya? Dia kata, itu di akhirat nanti akan dibalas. Bagi kita orang Islam, okay - baik kita faham tetapi di negara ini juga mengandungi beberapa ramai orang yang atheist - yang tidak percaya kepada Tuhan dan tidak percaya kepada kehidupan selepas ini, dia peduli apa! Dia kira dunia ini sahaja. Yang ini macam mana? Yang atheist ini, yang tidak percaya kepada agama, tidak percaya bahawa di akhirat nanti dia akan dibalas, macam mana? Kalau dia berkahwin, dia tidak takut, dia tinggalkan isterinya begitu, macam mana?

Jadi, kita tidak boleh berdiri di sini kerana ketua bercakap tentang - kalau semuanya beragama Islam kita boleh faham, kita boleh faham tetapi negara kita ini berbilang kaum. Sebab itu di dalam kita membuat sesuatu jangan 'selfish' mengambil kira golongan dia sahaja, kena ambil kira juga bagi mereka yang tidak subscribe, dengan izin, kepada agama Islam. Itu baru memerintah dengan adil. Jadi, saya harap supaya orangnya di sini akan fahamlah termasuklah pembangkang ini, jangan dok sokonglah PAS ini. Kalau sokong PAS ini jadi kerajaan, inilah jadinya. Dia, apa yang dia buat dia tidak kira sama ada orang itu atheistkah, tidak percaya kepada agamakah, malang bagi kamu, kalau suami kamu atheist, kamu terimalah nasib di dunia ini. Jadi,

ini susahlah kalau kita hendak berbincang dengan dia dan saya ingin menyatakan di sini bahawa apa yang dibangkitkan oleh beliau ini sebenarnya tidak perlu untuk dia bangkitkan di sini seolah-olah untuk, dengan izin, to embarrass kerajaan kerana memperundang-undangkan sesuatu kepada orang yang bukan Islam yang tidak mengikut apa yang telah dihukumkan kepada orang Islam. Saya ingat ini betul-betul satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Macam soal wasiat juga. Okay, kita faham dalam Islam, betul! Kalau kita dididikkan dalam suasana Islam, kita terima wasiat iaitu tidak boleh diwasiatkan kepada mereka yang sudah berhak di bawah faraid. Setuju! Tetapi bagi mereka yang tidak beragama Islam, dia manusia biasa, dia akan bertanya iaitu bahawa saya mewasiatkan hak saya. Jadi, kalau itu merupakan hak saya, saya wasiat kepada siapa yang saya suka. Betul ada sepuluh orang anak tetapi kalau ada sepuluh orang anak, sembilan anak tidak jaga dia, ada seorang anak sahaja yang jaga dia, yang dia sakit beri makan semua, sebagai manusia biasa dia akan merasakan yang sebenar-benarnya berhak untuk mendapat harta aku, ini dia yang jaga aku! Yang sembilan itu tidak mahu jaga aku dan dia manusia biasa. Kalau sembilan anak dia tidak peduli kepada dia, ini harta dia, kalau dia tidak mahu beri itu dia punya fasal tetapi bagi kita dalam Islam kita faham iaitu kita ada hukum faraid dan apabila kita dibesarkan di bawah suasana Islam,

didikan Islam, kita memahami sepertimana kita terima bahawa kita perlu berpuasa.

Jadi, sebab itu dalam soal wasiat ini juga saya rasa, dengan izin, in bad taste, untuk dia tampil ke hadapan dan cuba hendak menunjuk-nunjuk bahawa seolah-olah kita tidak memahami dan kita takut untuk memperundang-undangkan sesuatu kepada yang bukan Islam mengikut ajaran Islam. Saya ingat ini tidak adil sebab itu saya mengambil masa untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Lupar bangkitkan masalah di mana kalau satu atau dua daripada yang mewarisi itu adalah mereka yang tidak beragama Islam. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa subject matter, dengan izin, rang undang-undang ini ialah simati. Jadi, kita terpaksa membuatkan apa-apa undang-undang mengikut simati. Kalau simati itu bukan Islam, kalau ada di antara anak-anak itu merupakan orang Islam, undang-undang ini dilaksanakan kepada subject matter iaitu simati. Kalau simati bukan Islam bermakna pembahagian hartanya mengikut cara bukan Islamlah sebab dia bukan Islam walaupun dia ada anak dua, tiga orang Islam, anak dia tidak ada pilihan melainkan untuk menerima harta mengikut pembahagian yang telah diluluskan kepada undang-undang yang dikenakan kepada simati.

Kalau simati itu Islam, maka pembahagian hartanya mengikut hukum faraid. Jadi, subject matternya, dengan izin, ialah simati. Jadi, kalau simati itu

bukan Islam dan ada di antara anaknya itu Islam, maka yang anak-anaknya itu mestilah mewarisi harta itu mengikut undang-undang yang telah dikenakan kepada simati dan kalau dia bukan Islam ikut undang-undang inilah. Jadi, saya ingat tidak ada konflik di sini dan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi ingin saya menyatakan di sini iaitu tidak ada percanggahan pembahagian pusaka antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah. Pembahagian pusaka bagi orang Islam tertakluk kepada hukum faraid manakala bagi orang yang bukan Islam tertakluk kepada undang-undang pembahagian pusaka yang berkenaan dengan mereka. Ini yang tadi yang saya sebut. Jadi, kalau simati itu dia bukan Islam maka kita kena ikut undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Kepong. Dia tanya dia jawab. [*Ketawa*] Terima kasihlah. Dia banyak bercakap tentang procedural, yang sebenarnya ia tidak termasuk di dalam akta ini. Maksudnya kalau ada apa-apa kesukaran, pertelingkahan yang berbangkit hasil daripada undang-undang ini, kita ada mahkamah, pergilah ke mahkamah. Jadi, kalau macam soal dia hendak duduk dalam rumah, kalau akta sudah kata pembahagian itu sedemikian dan pembahagian itu hanya boleh dilaksanakan dengan penjualan harta itu, contoh, seperti rumahlah - kalau si isteri yang menakat itu duduk dalam rumah, suami dia meninggal dunia kemudian dia hendak duduk juga dalam rumah itu, maka dia kena - apa yang pertama dia kena buat, dia kena nilaikan rumah itu, semua

sudah setuju, maka, kalau tidak mahu jual rumah itu, dia kena carilah duit yang sama nilainya dengan bahagian yang telah diberikan kepada ibu dan bapa dan zuriat yang menakat itu. Ini soal - Yang Berhormat kata soal dia hendak duduk juga, hendak duduk carilah duit lain. Kita menentukan pembahagian harta dan kalau rumah itu besar, dia tidak mampu hendak cari duit untuk memberikan pembahagian kepada ibu bapa dan zuriat tadi, juallah rumah itu dan belilah rumah lain pula! Benda ini tidak perlulah bangkit di sini, walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:dia turut berbahas di dalam rang undang-undang ini. Hendak tanya lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak mempunyai pengalaman di dalam pengamalan undang-undang. Beliau tidak nampak kesulitan di dalam permohonan untuk petition LA, tidak dapat merasai begitu susah untuk menyelesaikan masalah yang disebutkan tadi. Cuma dia anggap, kalau pergi mahkamah, semua selesai dengan begitu sahaja - bukan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini Akta Pembahagian, jadi kita berbincang soal

pembahagian harta, hendak tentukan orang ini dapat berapa dan orang ini pula dapat berapa. Sebenarnya yang dia bangkitkan itu luar daripada perbahasan. Saya kasihan kepada dia sahaja, saya layan dia. Saya hendak sebut di sini bahawa yang lain itu procedural, saya fahamlah masalah ini, sebab dahulu pun saya peguam juga, bukan saya tidak tahu. Saya hendak cerita, soal kulit saya tidak tahu, saya tidak akan cakap tentang kulit, sebab saya tidak mahir tentang kulit, tetapi benda ini saya hadapi dahulu, jadi tidak perlulah Yang Berhormat kata bahawa saya tidak ada pengalaman, saya banyak pengalaman daripada dia lagi dalam soal undang-undang sebab saya pengamal undang-undang.

Jadi, perkara yang dia bangkitkan ini tadi sebenarnya ia tidak termasuk di dalam rang undang-undang ini. Itu soal enforcement, dalam bahagian yang lain, procedural actkah, apakah, itu lain. Ini soal pembahagian sahaja, berapa hak kamu, berapa hak ibu bapa, berapa hak zuriat sahaja. Sebenarnya dia out of topic, tetapi sebab kita beri chance kepada dia tadi, kita hendak merekodkan dalam *Hansard* bahawa dia mengambil bahagian sebenarnya. Tetapi walau bagaimanapun, saya faham masalah yang dihadapi itu tetapi ia tidak di dalam rang undang-undang ini dan kalau kita berbincang sampai lima, enam hari pun, rang undang-undang ini tidak akan memperbetulkan perkara yang dibangkitkan oleh beliau sebentar tadi.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat setakat itulah sahaja. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian dan semuanya saya lihat memberi sokongan yang kuat dalam perkara ini kerana ini adalah di antara akta yang masih ada menampakkan diskriminasi terhadap wanita. Saya memberi jaminan di sini bahawa rang undang-undang yang lain sedang dikaji dan sudah tentulah di mana-mana rang undang-undang itu dinampakkan sebagai mendiskriminasikan wanita, sudah tentu kita akan mengambil tindakan untuk memperbetulkan suasana.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 -

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Petaling Jaya Utara.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]: Tuan Pengerusi, saya pun bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya juga bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai dan Parit. Saya rasa akta ini lewat sangat untuk kaum wanita. Saya pun ada juga tengok Presiden Persatuan Peguam Wanita, Cik Rasammani ada datang dua hari di Galeri Awam untuk menunggu kelulusan rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan Fasal 2, iaitu takrif atau definisi di dalam Fasal 2:

‘ “ibu” atau “bapa” ertinya ibu atau bapa sebenar seseorang anak, atau ibu atau bapa yang sah seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952;’

iaitu ditambahkan sekarang:

‘ibu atau bapa yang sah seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952;’

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu bolehkah pembahagian harta kepada ibu bapa sekarang dijalankan empat cara, dengan izin. *Definition of “issue” means the natural mother or father of a child, or the lawful mother or father of a child under the Adoption Act 1952, in like of this. It is not possible that the distribution under the definition of “parent” under this Act, now be made to as many as four persons.* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, memang betul apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa ibu atau bapa ertinya ibu atau bapa sebenar seseorang anak atau ibu atau bapa yang sah seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952. Jadi, Yang Berhormat sebut tadi apakah kemungkinan boleh berlaku bahawa pembahagian ini bukan sahaja dibahagikan dua, iaitu kepada ibu bapa menakat, ibu bapa yang sebenar, tetapi sebenarnya dibahagikan kepada empat, iaitu ibu bapa yang menakat ialah ibu bapa yang sebenar dan ibu bapa yang didaftarkan di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Sebenarnya kalau mengikut rang undang-undang ini, ia menggunakan perkataan ‘atau’. Jadi bila perkataan ‘atau’ itu bermakna ‘or’, ia tidak boleh kedua-dua. Kalau ibu atau bapa ertinya ibu atau bapa sebenar seorang anak dan ibu atau bapa yang sah seorang anak, kalau dia menggunakan perkataan ‘dan’ di sini, mengikut pandangan saya rasa bahawa keempat-empat itu boleh mendapat hak di bawah ini. Tetapi oleh kerana perkataan itu ‘atau’, maka kalau berbangkit satu masalah, sebelumnya harta ini boleh dibahagikan, maka terpaksa ditentukan siapa sebenarnya ibu bapa yang dimaksudkan di bawah rang undang-undang ini, sama ada ibu bapa yang sebenar atau ibu bapa yang didaftar di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Seksyen 67, Akta Syarikat 1965, semua syarikat yang ditubuhkan di negara ini sama ada syarikat awam mahupun sendirian berhad adalah dilarang daripada membeli balik sahamnya sendiri atau memberi bantuan atau jaminan kewangan bagi tujuan membeli saham syarikat tersebut atau syarikat induknya. Pengecualian bagi larangan tersebut hanya terhad kepada keadaan-keadaan di mana:

- (a) pinjaman atau bantuan kewangan tersebut merupakan perniagaan biasa syarikat tersebut dan ianya diberikan dalam perjalanan biasa perniagaannya; dan

- (b) pembelian saham atau bantuan kewangan berkenaan adalah untuk keperluan pekerja-pekerjanya atau pekerja-pekerja anak syarikatnya untuk memiliki saham syarikat berkenaan sama ada secara terus mahupun secara pemegang amanah.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian-pengecualian bagi larangan tersebut di atas adalah amat terhad, ianya tidak merangkumi keadaan di mana syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham khususnya, dibenarkan untuk membeli balik sahamnya sendiri ataupun memberi bantuan kewangan kepada pihak lain untuk membeli sahamnya dalam situasi di mana harga sahamnya di pasaran saham tidak stabil dan terus menurun akibat penjualan berlebihan oleh pihak-pihak tertentu.

Di dalam jangka panjang, keadaan dan situasi sedemikian boleh menjejaskan kedudukan syarikat dan merugikan pemegang-pemegang sahamnya kerana harga saham tersebut di pasaran saham akan terus menurun apabila lebih ramai pelabur menjualnya tanpa ada pembeli. Keadaan ini akan memberi peluang kepada spekulator terutamanya dari luar negeri memanipulasikan pasaran saham di negara ini dan seterusnya membolehkan mereka mengaut keuntungan yang tidak munasabah, seperti yang berlaku di pasaran saham baru-baru ini. Dalam keadaan sedemikian, jika tindakan menyelamatkan tidak diambil segera, kedudukan kewangan dan struktur modal

syarikat berkenaan akan terjejas dan ini sudah tentu akan memudaratkan kepentingan pemegang-pemegang saham dan kreditor-kreditor.

Walaupun di dalam keadaan harga saham sesebuah syarikat yang disenaraikan itu mengalami kejatuhan akibat penjualan yang berlebihan oleh pelabur-pelabur, tetapi dalam keadaan tertentu syarikat berkenaan mungkin berupaya dari segi kewangan untuk membeli balik saham-sahamnya yang berlebihan di pasaran saham dan seterusnya menstabilkan harganya.

Di beberapa negara luar seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat, syarikat-syarikat dibenarkan di bawah Undang-undang Syarikat masing-masing untuk membeli balik saham-sahamnya tertakluk kepada prosedur dan kawalan yang telah ditetapkan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh orang-orang yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang kini dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini mengandungi satu Fasal pindaan sahaja seperti yang disebutkan tadi, larangan di bawah Seksyen 67, Akta Syarikat 1965 memberi pengecualian yang terhad. Oleh yang demikian, adalah wajar satu peruntukan baru iaitu Seksyen 67A diperkenalkan untuk membolehkan syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham membeli sahamnya di pasaran saham atau memberi bantuan atau jaminan kewangan kepada pihak lain bagi tujuan membeli sahamnya di dalam keadaan yang tersebut di atas. Tindakan ini bukan sahaja dapat menstabilkan kedudukan saham syarikat dari segi penawaran dan

permintaan sebenar dan harganya, tetapi juga mewujudkan suasana yang sihat di dalam pasaran saham di negara ini.

Di dalam pasaran saham, masa adalah merupakan satu faktor yang amat penting. Kelewatan dalam mengambil sesuatu tindakan yang difikirkan perlu akan mengakibatkan sesuatu syarikat mengalami kerugian yang besar. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah yang dihadapi oleh syarikat yang berkenaan dengan benar-benar berkesan, pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan syarikat itu untuk mengambil tindakan membeli balik saham-sahamnya atau memberi bantuan kewangan untuk membeli saham-sahamnya dengan cepat dan pantas tanpa berlengah-lengah memandangkan harga saham di pasaran saham boleh berubah dengan begitu cepat sekali.

Dengan alasan tersebut, pindaan yang dicadangkan ini tidak mensyaratkan supaya syarikat mendapatkan persetujuan pemegang saham di dalam mesyuarat agung syarikat terlebih dahulu kerana tindakan tersebut akan mengambil masa yang panjang. Namun demikian, dengan garis panduan dan kawalan yang sedia ada dan yang akan diwujudkan dari masa ke semasa, kepentingan pemegang-pemegang saham dan kreditor-kreditor akan sentiasa dapat dilindungi. Oleh kerana syarikat tidak boleh menjadi pemegang sahamnya sendiri, maka adalah wajar saham-saham yang telah dibeli balik itu dibatalkan sama seperti peruntukan saham-saham preference yang ditebus, ataupun dengan izin, redeemable preference shares di bawah Seksyen 61 Akta Syarikat 1965.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan sistem perakaunan sebuah syarikat nilai saham yang terlibat akan dipindahkan ke dalam, dengan izin, capital redemption reserve syarikat itu. Dengan cara sedemikian, syarikat-syarikat yang terlibat akan dapat menambahkan, dengan izin, earning pershare kepada setiap saham syarikat itu dan ianya akan menguntungkan pemegang-pemegang sahamnya. Nilai tersebut boleh juga diagihkan sebagai saham bonus kepada pemegang-pemegang saham. Peruntukan ini adalah sama dengan peruntukan di bawah Undang-undang Syarikat di Australia, United Kingdom dan juga Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan pindaan ini membolehkan syarikat-syarikat membeli balik sahamnya di pasaran saham tanpa persetujuan pemegang saham di dalam mesyuarat agung terlebih dahulu, tetapi tindakan tersebut hanya boleh dilaksanakan setelah syarikat itu memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan demi untuk mengelakkan tindakan salahguna, atau dengan izin, abuses oleh pengarah-pengarah syarikat untuk kepentingan diri mereka sendiri. Seperti di negara-negara lain yang telah disebutkan tadi, pelaksanaan tindakan tersebut memerlukan satu sistem kawalan yang ketat dan garis panduan yang mencukupi oleh pihak berkuasa yang berkenaan demi untuk menentukan tiada penyalahgunaan kuasa oleh pengarah-pengarah dan lain-lain pihak yang terlibat. Untuk tujuan pindaan yang dicadangkan ini, garis panduan dan kawalan yang dimaksudkan boleh diperolehi di dalam peruntukan pindaan

itu sendiri serta peruntukan-peruntukan lain yang sedia ada dalam Akta Syarikat 1965, Akta Persendirian Sekuriti 1983, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, Peraturan-peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Kanun Keseksan Penal Code.

Di dalam peruntukan cadangan pindaan itu sendiri syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesebuah syarikat boleh melaksanakan belian-balik saham atau memberi bantuan kewangan kepada pihak lain. Untuk tujuan itu adalah seperti berikut:

- (a) Pembelian balik saham hendaklah dibenarkan oleh Artikel Persatuan Syarikat;
- (b) Syarikat hendaklah merupakan sebuah syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham yang diiktiraf;
- (c) Syarikat hendaklah solvent pada tarikh belian-balik saham dibuat;
- (d) Pembelian balik saham berkenaan hendaklah dibuat melalui pasaran saham di mana harganya adalah mengikut harga pasaran semasa dan bukan secara off-market atau private arrangement, dengan izin;
- (e) Pembelian balik saham berkenaan hendaklah dibuat secara suci hati semata-mata demi kepentingan syarikat; dan

- (f) Syarikat dikehendaki memfailkan butir-butir pembelian-balik saham tersebut kepada Pendaftar Syarikat dan Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh empat belas hari dari tarikh transaksi.

Ini adalah untuk membolehkan pihak berkuasa, pemegang-pemegang saham, kreditor-kreditor dan orang awam untuk mengetahui mengenai perkara tersebut. Cadangan pindaan ini juga memperuntukkan mana-mana pihak terutama pengarah-pengarah yang gagal mematuhi peruntukan yang disediakan adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman penjara lima tahun atau denda RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan dalam cadangan pindaan itu sendiri, peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Kanun Keseksan Penal Code, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Peraturan-peraturan BSKL Mengenai Jual-Beli Saham di Pasaran Saham adalah terpakai kepada transaksi belian-balik saham di bawah pindaan yang dicadangkan ini. Oleh itu, ingin saya menegaskan di sini bahawa pihak-pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan polis akan bertindak keras berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk memastikan kemudahan ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

Peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan jenayah berkaitan urusan niaga sekuriti di bawah Seksyen-seksyen 84 hingga 91 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengenai, dengan izin, false trading, market raving, market manipulation dan insiders trading masih terpakai dan boleh dikuatkuasakan terhadap salahlaku berkaitan salah saksi pembelain balik saham di bawah cadangan pindaan ini. Sekiranya transaksi berkenaan dilaksanakan melanggar peruntukan seksyen-seksyen tersebut, pihak Suruhanjaya Sekuriti boleh menjalankan siasatan dan seterusnya mendakwa pihak-pihak yang terlibat sekiranya tindakan bukti-bukti *prima-facie* di dalam kes-kes yang berkenaan. Semua kesalahan di bawah seksyen-seksyen tersebut boleh dihukum dengan denda tidak kurang RM1 juta dan penjara tidak melebihi 10 tahun.

Peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia dalam Akta Syarikat 1965 adalah mencukupi untuk mengawal dan menentukan kemudahan pembelian balik saham dan pemberian bantuan kewangan mengenainya tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Peruntukan Seksyen 132 Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa pengarah-pengarah syarikat hendaklah pada setiap masa bertindak jujur di dalam melaksanakan tugasnya dan tidak menggunakan sebarang maklumat sulit syarikat itu untuk kepentingan mereka. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM30,000.

Seksyen 132(c) pula melarang lembaga pengarah untuk melaksanakan sebarang pembelian harta termasuk saham jika pembelian tersebut akan menjejaskan atau memudaratkan secara material kedudukan kewangan dan prestasi syarikat itu, melainkan pembelian tersebut telah diluluskan terlebih dahulu oleh pemegang-pemegang saham syarikat di dalam mesyuarat agung. Peruntukan ini boleh digunakan untuk menangani keadaan di mana lembaga pengarah menggunakan wang syarikat untuk membeli balik sahamnya atau memberi bantuan kewangan di bawah cadangan pindaan itu, sedangkan syarikat-syarikat itu tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan boleh memudaratkan kedudukan kewangan dan prestasi syarikat itu. Pengarah-pengarah syarikat juga tidak boleh mengambil kesempatan untuk menjual saham-saham milik mereka sendiri atau milik orang-orang yang ada kaitan dengannya kepada syarikat berkenaan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pemegang-pemegang saham di dalam mesyuarat agung seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 132(e) Akta Syarikat 1965. Semua kesalahan di atas boleh dihukum dengan hukuman penjara lima tahun atau denda RM30,000 atau kedua-duanya. Sekali.

Mengenai bantuan kemudahan atau jaminan kewangan kepada pihak lain untuk membeli saham syarikat tersebut seperti yang dinyatakan dalam cadangan pindaan ini, lembaga pengarah juga tidak boleh mengambil kesempatan untuk menyalurkan bantuan atau jaminan kewangan tersebut kepada dirinya sendiri

atau orang-orang yang ada kaitan dengannya. Ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 133 dan Seksyen 133(a) Akta Syarikat 1965 yang boleh dihukum dengan hukuman denda RM10,000 dan segala bantuan atau jaminan kewangan yang diberikan akan menjadi tanggungan atau liability pengarah itu sendiri. Sekiranya pelaksanaan transaksi berkenaan melibatkan unsur-unsur penipuan atau pecah amanah oleh pengarah-pengarah syarikat, tindakan undang-undang boleh juga diambil oleh pihak polis sebagai kes jenayah di bawah peruntukan Kanun Keseksaan atau Penal Code.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada seperti yang dinyatakan di atas, pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Kementerian Kewangan akan terus mengikuti dan meneliti perkembangan pelaksanaan cadangan pindaan ini kelak dari masa ke semasa. Ini adalah semata-mata untuk menentukan tujuan sebenar pindaan ini dapat dicapai sebaik mungkin tanpa sebarang penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak. Tindakan susulan akan terus diambil oleh badan-badan tersebut di atas untuk mengemaskinikan dan mengetatkan kawalan berkaitan mengikut keperluan semasa sama ada melalui peraturan-peraturan Pendaftar Syarikat, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti atau syarat-syarat Bursa Saham Kuala Lumpur.

Mudah-mudahan dengan berkuatkuasanya cadangan pindaan ini kelak, hasrat seluruh rakyat Malaysia terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melihat pasaran saham negara ini berjalan dengan licin tanpa gangguan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan terlaksana, insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

5.10 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan pembentangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat menyatakan tujuan utama ialah untuk menstabilkan harga saham khususnya di BSKL memandangkan hanya syarikat-syarikat BSKL yang berhak membeli balik saham mereka. Di sini bukankah ini merupakan satu pengakuan oleh pihak kerajaan bahawa keadaan saham atau harga saham di BSKL telah menjadi satu persoalan besar sehingga perlunya satu langkah sedemikian untuk memulihkan keyakinan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi apabila BSKL atau Kuala Lumpur Stock

Exchange Composite Index (KLSECI) telah jatuh dengan begitu menjunam semalam sebanyak 24 mata. Ini merupakan salah satu langkah untuk memastikan bahawa kalau boleh harga-harga saham di BSKL boleh dimanipulasikan dengan pembelian balik saham supaya dapat memberikan satu gambaran yang lebih baik, lebih elok, lebih cantik kepada keadaan BSKL. Sedangkan dari segi masalah-masalah dasar atau fundamental isu yang berkaitan dengan BSKL masih belum diselesaikan.

Di sini, kalaulah perlunya untuk memansuhkan atau untuk meminda Seksyen 67 untuk memungkinkan syarikat-syarikat membeli balik saham mereka. Mengapakah apabila pihak kerajaan memperkenalkan seksyen ini, mereka menyatakan atau tujuan utamanya ialah untuk melindungi hak-hak pelabur-pelabur atau pemegang-pemegang saham. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan sebagai satu daripada jaminan untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa apabila syarikat hendak membeli balik saham dengan begitu besar atau untuk pihak-pihak tertentu perlulah adakan satu mesyuarat bagi semua pemegang saham. Apakah jaminan ke atas pemegang-pemegang saham minoriti? Kerana kalau satu mesyuarat agung diadakan, sudah tentunya ia akan memihak kepada pemegang-pemegang majoriti. Saya rasa dalam Akta Syarikat sama ada dalam Akta Syarikat ataupun dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti dan Security Industry Act ada dinyatakan dengan jelas bahawa terdapat jaminan kepada pemegang-pemegang saham minoriti. Tetapi dalam perkara ini kalau ini semua boleh diubah dengan hanya diadakan satu mesyuarat pemegang-pemegang saham, jadi saya nampak macam mana pemegang-pemegang saham minoriti boleh memastikan hak-hak mereka dilindungi.

Di sini timbulnya masalah, apakah safeguard, dengan izin, untuk memastikan pemegang-pemegang saham minoriti tidaklah dikorbankan untuk kepentingan pengarah-pengarah yang tidak bertanggungjawab ataupun pemegang-pemegang majoriti yang tidak bertanggungjawab. Tentunya Yang Berhormat Menteri sedar tentang masalah perdagangan dalaman atau insiders trading yang melandai syarikat-syarikat dalam BSKL. Saya tidak tahu sama ada langkah ini akan merupakan satu cara untuk membuat insiders trading dengan secara tidak langsung. Kerana kalau sesebuah syarikat membeli balik saham, ini akan mempunyai kesan untuk menaikkan harga saham. Inilah kesan secara langsung menaikkan harga saham dengan menggunakan dana mereka.

Kalau kita hendak mempergiatkan perkembangan ekonomi kita selalu menggalakkan syarikat untuk melabur balik dalam kegiatan ekonomi mereka. Itulah sebab kerajaan ada satu peruntukan cukai yang dinamakan allowance pelaburan semula atau 'reinvestment allowance'. Tetapi sebaliknya apa yang dicadangkan oleh pihak kerajaan nampaknya bercanggah dengan tujuan ini, dibenarkan pula untuk menggunakan dana untuk membeli balik saham, semata-mata untuk menaikkan harga saham. Mungkin kerana atas faktor-faktor tertentu BSKL jatuh dengan begitu menjunam sekarang, wiped out, dengan izin, berbilion-bilion ringgit dalam sekelip mata, dalam satu minggu sehingga kurang daripada seribu mata.

Tetapi dari segi jangka masa panjang, kalau kita lihat, kalau kita mendengar nasihat yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelabur-pelabur mesti melihat jangka masa panjang. Adakah ini suatu peruntukan yang berfaedah dari segi jangka masa panjang, sedangkan kita

hendak menggalakkan syarikat melabur balik dalam perniagaan mereka supaya dapat dipergiatkan, dapat ditambahkan produktiviti dan kita dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang berlaku pula nampaknya bercanggah dengan tujuan oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itu, saya hendak tahu apakah tujuan sebenarnya pihak kerajaan. Kalau ini semata-mata untuk menaikkan harga saham, saya rasa ada cara-cara lain dan Yang Berhormat Menteri mungkin lebih pakar di dalam perkara inilah. Apakah cara-cara lain. Kalau dari segi ekonomi tentulah menaikkan produktiviti, mengurangkan kos atau menaikkan kualiti, mutu kualiti sebarang keluaran atau produk yang dikeluarkan. Tetapi kalau inilah cara untuk menaikkan sama ada EPS, price earning ratio, membuatkan dia lebih attractive supaya orang lain akan melabur masuk, saya rasa nampaknya tidak berapa kena pada tempatnya.

Yang Berhormat Menteri boleh bercakap tentang capital redemption reserve, ini diamalkan di negara lain, memang benar ini merupakan satu amalan perakaunan, tetapi dari segi tujuan saya tidak lihat macam mana ia boleh membawa faedah kepada perkembangan ekonomi sama ada dari segi produktiviti ataupun pertambahan GNP. Oleh sebab itu saya harap pihak Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan perkara ini. Kalau kita hendak bercakap tentang insider trading, saya hendak tanya tentang tanggungjawab yang

dimainkan oleh Pendaftar Syarikat untuk mengesan dan membanteras perdagangan dalaman.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada satu masa dalam ucapannya pernah menyatakan bahawa ada seorang Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat dari Julau yang dinyatakan oleh beliau bahawa terlibat dalam insider trading, tetapi tanpa dijawabkan oleh pihak kerajaan. Saya hendak bertanya sama ada ini benar atau tidak kerana kalau benar yang melibatkan seorang Ahli Parlimen, saya rasa itu satu perkara yang serius, oleh sebab itu saya hendak tahu apakah siasatan yang dijalankan oleh Pendaftar Syarikat kerana ini adalah satu kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang Ahli Parlimen, tetapi sungguhpun ia dikeluarkan, saya tidak nampak seorang pun Ahli Parlimen dari Sarawak yang mencabar kenyataannya. Oleh sebab itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan sama ada Ahli Yang Berhormat dari Julau kerana mungkin pemilikan besarnya dalam Syarikat Super Enterprise, sama ada dia benar-benar disiasat oleh kerana terlibat dalam insider trading sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Pada masa yang sama, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri tentang siasatan yang dilancarkan oleh Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti ataupun adakah Pendaftar Syarikat pun terlibat iaitu apa yang dilaporkan dalam *Asian Wall Street Journal* tentang Tan Sri Dato' Lin See Yan, bekas Timbalan

Gabenor Bank Negara bahawa anak perempuannya dalam Pacific Bank terlibat dalam insider trading. Adakah ini benar atau tidak?

Saya harap kerana perkara ini telah timbul dalam *Asian Wall Street Journal* bahawa perkara ini boleh diberikan perhatian dan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak, cakap tidaklah, supaya rakyat akan tahu kerana *Asian Wall Street Journal* telah menyatakan perkara ini. Kita tidak mahu melihat bahawa wujudnya 'double standard' di mana ada satu golongan yang terlepas daripada siasatan ataupun pendakwaan insider trading manakala pihak lain dikena atau terkena atas faktor-faktor tertentu.

Saya rasa dalam perkara melawan atau memerangi insider trading ini, saya rasa kerajaan harus tegas kerana ini adalah penyalahgunaan maklumat. Kalau pihak Suruhanjaya Sekuriti hendak bertukar arah atau panduan daripada, dengan izin, Merit Base System untuk Syarikat-syarikat BSKL kepada Disclosure Base System, saya rasa yang pengawalan maklumat ini adalah sangat penting. Dalam BSKL saya rasa satu daripada faktor utama untuk semua perniagaan ialah risk management system atau satu sistem pengurusan risiko adalah sangat penting untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan boleh dijalankan dengan lancar. Tetapi untuk sebuah badan pengawalselia, saya rasa information management system adalah sangat penting, kalau timbulnya penyalahgunaan maklumat atau penyelewengan berkaitan dengan

pendedahan maklumat, saya rasa itu adalah sesuatu yang harus ditangani dengan tegas oleh pihak kerajaan.

Dan di sini nampaknya agak kabur sedikit, di mana peranan atau tanggungjawab atau tugas atau bidang kuasa Pendaftar Syarikat bermula di mana ia berakhir, kalau berbanding dengan Suruhanjaya Sekuriti kerana sungguhpun ada beberapa pindaan, saya rasa dalam beberapa bidang lagi masih ada timbul perkara yang agak kabur-kabur khususnya dalam siasatan di mana ia, dengan izin, it has cross the boundary before the taking over refuction by Securities Commission.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengharapkan bahawa pengarah-pengarah mestilah, dengan izin, bertindak dengan suci hati or act in good faith and the interest of the company, apa yang perlu ditegaskan ialah pengamalan syarikat mempunyai masa yang cukup dan juga kemampuan dan kebolehan yang cukup untuk menjadi ahli lembaga pengarah Syarikat BSKL kerana kita hanya tumpukan kepada Syarikat-syarikat BSKL. Apakah kemampuan dan kebolehan mereka.

Di sini saya tidak nampak bahawa Suruhanjaya Sekuriti ada menetapkan kriteria atau garis panduan sekurang-kurangnya contohnya, satu usaha yang dijalankan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sekarang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ialah satu kod perilaku etika pengarah syarikat. Apa sudah jadi

kepada kempen ini, adakah ia tinggal omong-omong kosong sahaja. Contohnya, adalah disarankan oleh Tan Sri Azman Hashim bahawa janganlah seorang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat terlalu banyak. Malah ada kes di mana ada individu yang menjadi pengarah kepada dua puluh syarikat. Saya tidak tahulah kecuali dia superman, macam mana dia boleh menjalankan tugasnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah syarikat dengan baik dan dengan sempurna.

Kalau kita hendak pastikan sungguhpun seorang ahli lembaga pengarah mungkin bertindak dengan suci hati tetapi macam mana dia boleh bertindak atas kepentingan syarikat itu kalau dia tidak ada masa untuk menghadiri mesyuarat pun dan ini satu perkara besar, apabila kita lihat bahawa ada individu tertentu, tak tahulah mengapa mereka hanya suka memilih individu tertentu untuk menjadi ahli lembaga pengarah, mungkin kerana individu tertentu mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin tertinggi Barisan Nasional, itu sebab mereka selalu dipilih, mungkin beri chance. Ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena ini. Jadi, benarkan dia jadi seorang ahli lembaga pengarah untuk sebuah syarikat, kalau satu syarikat mungkin dia boleh tumpukan masa yang secukupnya, tetapi kalau misalannya Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena menjadi ahli lembaga pengarah kepada dua puluh buah Syarikat BSKL, macam mana boleh?

Saya rasa tentu dari segi masa dan kemampuannya terhad, oleh sebab itu saya rasa adalah perlu kalau kita tidak mahu mereka menjadi ‘token’, tak mahu mereka menjadi hiasan, bunga pasu sesebuah syarikat atau atas mereka kerana mereka orang kenamaan sebelum ini. Kalau kita hendak ahli-ahli lembaga pengarah yang cergas dan memainkan peranan aktif dan bukan, dengan izin, sleeping directors, saya rasa kita harus sekurang-kurangnya mengikuti kriteria dan garis panduan yang ditetapkan.

Kalau tidak, saya rasa sungguhpun seseorang itu suci hati, tetapi dia tidak mampu, tidak boleh bertindak atas kepentingan syarikat tersebut, lagi teruk kalau ada seorang yang tidak suci hati atau yang tidak bertindak dengan suci hati. Kalau itu, saya rasa

Dr. Patau Rubis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun.

Dr. Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, ini penjelasan. Dari pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, berapakah syarikat sepatutnya seseorang itu menjadi director? Sama ada satu, dua, lima, dua puluh, apakah garis panduan DAP, minta pandangan Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, DAP mempunyai pandangan kita tetapi kita bersikap demokratik. Oleh sebab itu, kalau kita hendak cadangkan satu nombor, kita akan dapat pandangan daripada semua

pihak yang berkaitan. Oleh sebab itu saya percaya Yang Berhormat Menteri pun akan bersikap demikian dan kalau hendak menetapkan satu jumlah atau satu angka, pandangan akan diperolehi dari semua pihak yang berkaitan sama ada Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia ataupun Pendaftar Syarikat dan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan BSKL. Tetapi kalau kita tidak meletakkan satu limit atau jumlah ahli lembaga pengarah tidak dihadkan, saya rasa ia tidak bermakna langsung. Apakah gunanya kita lancarkan Kod Perilaku Etika untuk syarikat kalau ada ahli lembaga pengarah yang tidak faham tentang tujuan dan maksud syarikat ini. Apakah gunanya pula kalau mereka tidak boleh menjalankan tugasnya dengan baik, dengan sikap yang profesional dan malah satu masalah utama ialah kebanyakan ahli lembaga pengarah tidak ada masa untuk menghadiri mesyuarat. Kalau dari segi ini tidak boleh ditunaikan, saya tidak nampak macam mana mereka boleh memberikan sumbangan yang sewajarnya. Oleh sebab itu, saya harap bahawa perkara ini boleh diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian.

Tentang perkara-perkara insider trading ini saya harap bahawa pihak kementerian bolehlah memberikan perhatian.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kuala Pilah bangun.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya begitu minat mengikuti hujah beliau sebentar tadi dan saya ingin menyusul beliau menyatakan bahawa biasanya berlaku sesuatu company atau syarikat itu mempunyai ataupun seseorang itu menduduki banyak sebagai pengarah-pengarah atau chairman dalam syarikat-syarikat yang tertentu.

Beliau telah memberikan pandangan yang panjang lebar, yang boleh kita ikuti. Sebagaimana yang disuarakan oleh sahabat kita sebentar tadi, persoalannya apakah cara hendak menyelesaikan pandangan beliau selaku daripada parti pembangkang untuk menyelesaikan masalah ini kerana kita sekarang faham ada sesetengah individu itu diletakkan dalam banyak syarikat memandangkan kapasiti beliau, kepakaran beliau yang difikirkan memang boleh menerajui atau menduduki dalam sesuatu badan. Bukan semua orang yang tidak tentu, bukan sebarang orang sahaja yang boleh duduk dalam banyak lembaga pengarah syarikat, tetapi adalah dari segi kebolehan, kepakaran beliau, itulah sebabnya adanya dan dipersoalkan tadi, apakah kriteria atau garis panduan pada pandangan beliau yang sebaik mungkin untuk mengatasi masalah ini. Ini yang kita hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa untuk seseorang yang profesional yang benar-benar serius menjalankan tugasnya, dia

tidak akan menerima pelantikan ahli lembaga pengarah yang terlalu banyak kerana dia tahu hadnya. Saya rasa orang yang berkaliber dan berkemampuan, masalah tidak timbul langsung kerana dia sendiri akan mengahadkannya. Dia tahu limitnya, dengan izin tetapi perkara ini timbul apabila, seperti yang dinyatakan oleh bekas Yang Berhormat Menteri yang sekarang menjadi Menteri Besar Selangor - ada individu yang menjadi ahli lembaga pengarah bagi 20 buah syarikat. Macam mana dia boleh menjalankan tugasnya dengan baik, saya tidak tahu. Saya rasa itu mungkin lebih hebat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Jadi, sebab itu saya rasa itu yang harus diberikan perhatian oleh pihak kementerian kalau kita hendak memastikan ahli lembaga pengarah benar-benar memberikan sumbangan dan bukan hanya menjadi 'sleeping director'.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kuasa Pendaftar Syarikat untuk memerangi penyalahgunaan atau penipuan yang berlaku. Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada pelbagai hukuman ataupun peruntukan yang sedia ada untuk menangani masalah ini tetapi kebanyakan masanya atau apa yang sering berlaku ialah apabila Pendaftar Syarikat melaksanakan hukuman sepertimana yang diperuntukkan oleh mahkamah, biasanya syarikat tersebut tidak ada wang lagi.

Dan di sini saya ingin mencadangkan - kerana ada satu kes yang melibatkan Syarikat Mehara Holdings di mana saya rasa Pendaftar Syarikat harus mempunyai kuasa untuk membekukan akaun kewangan syarikat yang didapati dari siasatan awalnya menipu orang awam dan tentunya kalau kuasa ini diberikan kepada Pendaftar Syarikat, ia boleh dicabar di mahkamah untuk memansuh atau membatalkan pembekuan ini. Saya rasa ini penting kerana kalau kita terlalu lambat atau mendakwa dia di mahkamah selepas mendapat hukuman dia bersalah baru boleh bertindak, saya rasa ia terlewat kerana ia akan memakan masa agak panjang - mungkin sehingga dua tahun dan dalam dua tahun ini tentu akaun ini akan dilesapkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Oleh sebab itu saya harap dalam perkara ini Syarikat Mehara Holdings - saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu Syarikat Mehara Holdings sebenarnya bermakna 'Syarikat Memenuhi Harapan Rakyat' tetapi apa yang berlaku ialah 'Membinasakan Harapan Rakyat' kerana mereka menipu orang awam melabur dalam syarikatnya untuk membeli rumah, sungguhpun syarikat ini tidak ada lesen langsung untuk membina atau menjualkan rumah-rumah kepada orang awam dan ini adalah satu kesalahan sangat baik di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun di bawah Akta Syarikat kerana memberikan maklumat yang palsu.

Syarikat ini bukan sahaja bertapak di Kuala Lumpur tetapi juga di negeri-negeri lain seperti di Johor dan di Melaka dan kerana ia melibatkan pembeli-pembeli yang begitu ramai, kita pun tidak tahu berapa orang yang terlibat dan apabila mereka ingin mendapat balik wang mereka, adakah pembeli-pembeli tersebut berjaya mendapat wang mereka balik dan kalau pihak kementerian telah mendapati bahawa syarikat ini telah melanggar undang-undang dengan mengiklankan bahawa dia akan membina dan menjualkan rumah apabila dari segi undang-undang mereka tidak ada lesen atau permit untuk berbuat demikian. Pihak Pendaftar Syarikat sekadar memberitahu rakyat tentang perkara ini tidak boleh mengambil tindakan lain.

Di sini adalah perlu bahawa Pendaftar Syarikat mempunyai kuasa sekurang-kurangnya untuk membekukan akaun kewangan mereka. Kalau mereka mendapati bahawa dari segi *prima facie* wujudnya penyelewengan sedemikian dan apabila kita bercakap tentang rumah-rumah yang mereka jualkan, ini bukan satu jumlah yang kecil kerana rumah yang mereka bina atau yang mereka janjikan adalah di antara RM28,000 hingga RM90,000 - satu jumlah yang agak besar! Tentu dari segi permulaan mereka hanya perlu membayar deposit RM3,000 tetapi kalau kita tengok 100 orang sudah RM300,000, 1000 orang sudah RM3 juta, ini satu jumlah yang agak besar dan kegagalan pihak Pendaftar Syarikat untuk mengambil tindakan kerana tidak ada

kuasa, saya rasa merupakan satu masalah yang serius untuk mempertahankan hak-hak mereka yang mungkin ditipu.

Dalam perkara ini saya telah berjumpa Pendaftar Syarikat pada 9 April tahun ini bersama dengan Ahli Parlimen dari Cheras, Yang Berhormat Tan Kok Wai di mana Encik Ramli bersetuju dengan pandangan kami bahawa cara syarikat ini beroperasi dan mengutip wang orang ramai adalah diragui dan sungguhpun beliau menasihatkan orang ramai supaya jangan membuat sebarang pelaburan dalam syarikat ini sehingga siasatan beliau siap dan operasi syarikat diluluskan oleh Pendaftar Syarikat, beliau tidak mempunyai kuasa untuk melarang syarikat ini memberhentikan kegiatannya mengutip wang. Kalau begitu saya rasa ini seperti memberikan lesen syarikat yang ingin menipu untuk terus menipu orang kerana Pendaftar Syarikat tidak mempunyai kuasa. Saya rasa dalam kes-kes sedemikian di mana adalah jelas 'beyond reasonable doubt', jelas sekali bahawa syarikat ini telah melanggar undang-undang. Saya rasa Pendaftar Syarikat perlu ada kuasa - melarangnya daripada membuat kegiatan haram itu ataupun membekukan akaun kewangannya supaya orang ramai yang tertipu dari syarikat tersebut boleh mendapat wang mereka balik. Kalau tidak kita tunggu sampai dua, tiga tahun, saya rasa sudah lewat. Tentunya kita harus mendukung prinsip 'national justice' dengan memastikan bahawa arahan atau kuasa yang dipakai oleh Pendaftar Syarikat bolehlah dicabar di mahkamah dan boleh dimansuhkan kalau mahkamah menentukannya. Saya rasa ini

barulah adil kepada kedua-dua pihak, sama ada pihak syarikat yang didakwa atau yang dituduh, baik orang awam di mana kalau mereka datang daripada golongan yang tidak berada dan golongan miskin, jumlah RM25,000 atau RM28,000 saya rasa adalah satu jumlah yang agak besar dan kalau mereka kehilangan jumlah ini merupakan satu malapetaka malah satu tragedi dan penderitaan yang tidak terhingga kepada mereka.

Oleh sebab itu saya harap apa yang saya hujahkan ini boleh diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri dan sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan saya tentang siasatan yang dilancarkan ke atas 'insider trading' oleh kedua-dua pihak yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sekejap Yang Berhormat, kita ada usul. Sila Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai segala Urusan Kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai segala Urusan Kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai segala Urusan Kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Baik, perbahasan disambung semula. Kepong.

5.39 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perdebatan rang undang-undang ini yang merupakan rang undang-undang yang pertama dibentangkan oleh Menteri di Dewan yang mulia ini sejak menjadi Menteri yang baru. Nampaknya Ketua Setiausaha pun ada di belakang untuk memberi topangan atau sokongan yang kuat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah bising, kawan saya juga. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang mempunyai cukup masa. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma kepada perkara-perkara yang berkaitan sahaja, perkara-perkara yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan peruntukan-peruntukan di dalam pindaan ini para pemegang saham syarikat akan mendapat manfaat daripada peruntukannya. Diharapkan bahawa para pekerja syarikat yang berkaitan boleh membeli saham-saham syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tepat bagi Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang mencegah orang-orang yang menyeleweng. Saya nampak banyak peruntukan yang disebutkan tadi memang diperlukan. Dalam peruntukan-peruntukan tersebut, nampaknya peruntukan membolehkan syarikat boleh membeli 'share'nya sendiri bukan satu perkara yang baru. Ia telah dikuatkuasakan di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, mungkin kurang di United Kingdom dan saya percaya bahawa kita haruslah mengkaji semua asas ekonomi kita.

Terdapat pelbagai faktor dari segi ekonomi kita yang termasuk wang ringgit kita mudah diserang oleh dunia luar. Mungkin salah satu faktornya ialah kerana kita bertumpu perhatian dengan lebih kepada Dollar Amerika, itu satu faktor yang besarlah - kita bergantung kepada Dollar Amerika seolah-olah itu satu-satunya mata wang yang kita boleh bergantung kepadanya.

Walau bagaimanapun, ini memang saya tidak akan panjangkan, cuma sentuh sedikit sahaja. Itu pun sensitif kepada Yang Berhormat Padang Terap. Sangat sensitif! Menteri tidak sensitif. Parit Sulong bukan Parit yang 'Alang'.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya kawan saya dari Kepong, adakah beliau sedar bahawa kita bukan sahaja menggantungkan kepada satu basket American Dollar, banyak lagi mata wang asing yang kukuh yang kita jadikan asas. Jadi, kenyataannya itu terlalu amat, dengan izin, sweeping, jadi betulkanlah sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Yang Berhormat ‘Parit yang Sulong’ yang sekarang ‘Alang’, dia tidak begitu perhatikan kepada apa yang saya sebutkan tadi. Saya kata tadi kita ada pelbagai faktor, pelbagai - bukan sahaja kita bergantung kepada Dollar Amerika bahkan juga asas-asas ekonomi yang lain, itu yang penting. Mungkin kalau Yang Amat Berhormat.....

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak bincangkan masalah rang undang-undang ini.

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak, saya hendak perbetulkan. Tuan Speaker, kalau apa Yang Berhormat kata betul - bahawa kita bergantung kepada Dollar Amerika - macam Thailand semata-mata kepada Dollar Amerika, tentu logiknya kita tidak akan terjejas kerana Dollar Amerika dari masa ke semasa sekarang ini menjadi kuat dengan kekuatan ekonomi Amerika yang melepasi ekonomi Eropah Barat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ‘currency’ ataupun mata wang Dollar sedang menjadi kukuh dari - bukan setakat dari hari ke hari, dari jam ke jam sekarang ini. Jadi kalau Yang Berhormat kata kita bergantung kepada Dollar Amerika, maka kita tentu tidak terjejas.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sebutkan tadi wujudnya pelbagai faktor, salah satunya bergantung kepada Dollar Amerika, inilah yang saya sebutkan dan juga dasar ekonomi penting juga. Kalau dasar ekonomi sangat kukuh, kita tidak takut, seperti Singapura tidak takut, walaupun ada jejas sedikit tetapi.....

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak bincangkan rang undang-undang ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, dia salah asasnya. Memang kita tidak takut. Ekonomi Malaysia tidak terjejas, fundamental kita kuat. Yang dok kacau itu di Thailand, di Filipina, mungkin di Indonesia sedikit hari lagi. Malaysia tidak terjejas. Yang Berhormat baca analisa daripada Singapura pun Malaysia tidak terjejas sebab fundamental kita kuat. Perbetulkan dahulu mind set itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya setuju ada fundamental kita yang kuat juga, tetapi kita mesti kaji dasar ekonomi kita sama ada selepas satu dekad kita masih boleh maju dengan baik tanpa diserang oleh orang luar. Itu memang kita mesti kaji semula, seperti sistem bank kita adakah mampu untuk menampung keperluan bagi menyahut millennium baru ini. Itu perlu kita buat. Jangan kita dok tidur sahaja, sangat sensitiflah, mungkin ada kesalahan di dalamnya. *[Ketawa]* Itu salah satu psikologinya. Kalau orang itu tidak takut, sebutkan sesuatu yang tidak manis pun tidak begitu sensitif. Walau bagaimanapun, sekiranya asas ekonomi termasuk syarikat-syarikat kita adalah kukuh, serangan tidak akan menggoncangkan ekonomi atau wang ringgit kita.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme peruntukan-peruntukan ini membuka jalan bagi syarikat berkaitan membeli saham-saham sendiri dalam pasaran

kerana ia tidak dapat mencari pelaburan yang lebih lumayan daripada perniagaan sendiri, daripada syarikat sendiri. Misalnya, jika sesebuah syarikat memperolehi saham-saham berjumlah RM10 juta dan 3 juta sahamnya adalah di pasaran, pada tahun yang tertentu ia hendak membeli balik 1 juta saham dan harga sahamnya ialah RM2.00, ia boleh menggunakan sumber-sumber wang tunai daripada perolehannya atau rizab-rizab yang lain untuk berbuat demikian. Justeru itu, jumlah saham yang ada, remunerate share, dengan izin, ialah RM9 juta. Harga unit saham-saham ini adalah lebih tinggi daripada sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya tidak ada penyelewengan, amalan ini memang memberi faedah kepada para pemegang saham syarikat itu. Yang pentingnya, syarikat yang bersangkutan paut mestilah meraih keuntungan dan mempunyai rizab-rizab dan wang tunai yang cukup. Dengan secara tidak langsung, kekayaan para pemegang saham dapat ditingkatkan. Tetapi yang pentingnya, syarikat-syarikat yang terbabit mesti mempunyai keuntungan dan rizab-rizab wang tunai yang cukup. Sebab itulah apabila kita membenarkan, kita mesti sentiasa berhati-hati kepada syarikat-syarikat yang hendak mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi memberi bantuan kepada seseorang untuk membeli syer dalam syarikat adalah tidak begitu jelas. Walaupun tujuan utama mungkin adalah untuk menolong para pekerja memperolehi syer-syer syarikat tetapi ia boleh disalahgunakan. Membeli

saham-saham untuk pelaburan adalah baik tetapi spekulasi adalah tidak baik, terutamanya kalau rizab-rizab syarikat disimpangkan kepada aktiviti-aktiviti spekulatif. Itulah memang satu perkara yang perlu diambil perhatian.

Saya mencadangkan supaya mungkin pada peringkat awal ahli-ahli lembaga syarikat yang berkenaan tidak diizinkan menggunakan peruntukan ini. Mereka memang tidak puas hati, memang berasa marah dengan cadangan ini disebabkan oleh mungkin sumbangan mereka adalah yang besar terhadap syarikat itu.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak syarikat besar yang diuruskan oleh ahli-ahli lembaga yang tidak memperolehi banyak saham syarikat itu, nominal sahaja ada kadang kala dan mereka dapat bekerja sebagai ahli lembaga dengan baik dan dapat ganjaran daripada perkhidmatan yang baik ke atas syarikat tersebut. Kalau cadangan saya ini diterima, mungkin ini akan memberi satu ketelusan (transparency) kepada syarikat kerana tidak ada konflik, ahli lembaga memberi perkhidmatan yang baik tetapi tidak ada konflik, dia tidak mempunyai syer yang banyak. Mungkin ini akan menambahkan satu kebebasan untuk sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hubungan di antara kewangan (funding) dengan pemegang syer (share holding), memang wujudnya konflik kepentingan. There is a tie up on the share holding and funding of the shares, there would be conflict of interest, dengan izin. Bukan sahaja ini terbuka

kepada penyalahgunaan kuasa dan sebagainya untuk mengizinkan, memberi kewangan (funding) yang tidak setimpal, this proportionate funding dan ahli-ahli lembaga yang terlibat mungkin akan menumpu perhatian yang lebih kepada mengkayakan diri sendiri sahaja. Ini memang satu perkara yang perlu kita sentiasa berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menguatkuasakan rang undang-undang dengan baik, saya mengesyorkan supaya sebuah jawatankuasa kawalselia ditubuhkan di dalam kementerian untuk mengawalseliakan peruntukan-peruntukan bagi menentukan tidak berlakunya penyelewengan. Setakat menyebutkan peruntukan-peruntukan undang-undang pencegahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi tidak mencukupi. Cadangan saya untuk mengadakan jawatankuasa watchdog ini perlulah mempunyai mandat dan keberkesanan untuk menjalankan tugasnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Parit Sulong.

5.53 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini.

Sewaktu kita membincangkan rang undang-undang ini, indeks Pasaran Saham Kuala Lumpur semakin menurun dan diharapkan perkara yang diketengahkan pada hari ini akan membantu untuk membolehkan suasana dan

juga iklim pasaran saham di dalam negara kita. Yang Berhormat Kepong jangan senyum. Sudah habis cakap, kalau hendak keluar minum air pun keluarlah, sibuk sahaja. *[Ketawa]*

Dalam hal ini, pihak kami semua amat menyedari dan menginsafi hakikat bahawa kebelakangan ini kelihatan Pasaran Saham Kuala Lumpur sering dipermain-mainkan dan dipersenda-sendakan oleh fund managers daripada luar.

Persoalan saya, bagaimanakah fund managers di dalam negara, dengan izin, local fund managers memainkan peranan untuk sama-sama menyumbang supaya mempertahankan kedudukan di dalam negara. Adakah mereka terlalu terbawa-bawa dengan pandangan, analisis dan juga findings, dengan izin, yang dibuat oleh fund managers luaran? Ini yang penting. Apakah peranan badan-badan amanah di dalam negara apabila keadaan pasaran menurun? Adakah mereka turut tidak mahu membeli ataupun mereka akan memainkan peranan sebagai untuk menyelamatkan keadaan?

Perkara ini saya ketengahkan oleh kerana pada satu ketika dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, iaitu Ahli dari Padang Terap pernah disoal dalam Dewan Rakyat ini mengenai pemikiran fund managers tempatan apabila keadaan pasaran rendah. Dan kita juga pernah bertanya adakah syarikat-syarikat di dalam negara ini juga amat bergantung kepada analisis dan juga pandangan dan pendapat daripada foreign fund managers.

Persoalan ini amat relevan pada hari ini apabila ada manusia tertentu, termasuk seorang Yahudi yang bernama George Soros - mengikut setengah-setengah kaul mengatakan dia sahabat kepada Pope. Apabila orang yang amat merbahaya ini walaupun dia dikatakan sebagai seorang yang bijaksana, tetapi dia berada dalam satu keadaan 'grey line' di antara orang yang bijaksana ataupun orang yang kurang sihat pemikirannya. Apabila ada orang-orang macam ini, adakah kita sekarang ini local fund managers apabila Perdana Menteri melahirkan keprihatinan terhadap situasi sekarang ini, apa yang dia buat? Adakah mereka hendak dengar pandangan orang macam George Soros ataupun mereka akan berhimpun dan memikirkan sesuatu untuk menyelamatkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kepong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kacau sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Kacau, saya diganggu tadi. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun tidak tahu peranan George Soros tentang wang ringgit kita ataupun wang ringgit Thailand dan Filipina serta juga banyak negara lagi, Turki, Poland dan saya pun tidak tahu sama ada peranan George Soros itu penting. Cuma saya harap adakah Yang Berhormat bersetuju kalau beliau

boleh menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat tahu keadaan yang sebenarnya apakah peranan itu, bukankah ini lebih baik? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita mesti kaji faktor-faktor yang lain juga yang menyebabkan masalah yang timbul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menemui George Soros bukan atas desakan DAP. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kebijaksanaan sendiri sekiranya beliau memutuskan mahu bertemu dengan George Soros. Tetapi kalau hendak ikut perasaan kami, kita blacklist dia sahaja, iaitu kita beri dia *persona non grata* supaya tidak boleh masuk dalam situasi ini. Tetapi kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita serahkan kepada beliau, kalau hendak bertemu, bertemulah, tetapi saya rasa pertemuan juga tidak akan menyelesaikan masalah. Kita juga harus melihat kepada perkara-perkara dalaman di dalam negara kita sendiri.

Saya amat puji bahawa satu perkara dalaman dan langkah-langkah yang dilakukan adalah memperkenalkan rang undang-undang ini. Saya mendapat tahu bahawa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang diketengahkan dengan secara cepat oleh kerana desakan suasana dan juga iklim perniagaan dalam negara hari ini. Jadi diharapkan perkara ini akan dapat menyelesaikan beberapa perkara yang sedang wujud di dalam negara kita sekarang. Pada waktu yang sama diharapkan, saya juga minta supaya para pelabur di dalam negara ini tidak menjadikan pasaran saham sebagai kasino. Kalau hendak pergi kasino, cukup pergi ke Genting sahajalah, tidak payah memanipulasikan oleh kerana pelaburan-pelaburan harus berdasarkan kepada fundamental, bukan kepada hearsay dan juga gosip pasaran saham.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga dalam hal ini apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah perkara

yang baik. Cuma ada perkara-perkara yang agaknya kelihatan memerlukan discretion Yang Berhormat Menteri, iaitu di dalam membuat keputusan sama ada perkara ini dibuat dengan niat suci. Oleh kerana perkara niat suci ini adalah perkara yang subjektif, kita tidak boleh ukur. Kalau lihat muka Yang Berhormat Kepong, saya tidak tahu dia ini suci atau tidak suci, tetapi saya lebih suspek yang dia ini tidak suci, saya boleh katakan demikian. Sama juga kalau Yang Berhormat Kepong tengok saya, dia kata dia ini sucikah atau tidak suci?

Jadi, persoalan-persoalan ini oleh kerana perkara ini membabitkan hati, jadi sebagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengingatkan kita mesti menggunakan language of the heart. Jadi, jangan gunakan language of the DAP's heart, dengan izin.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, minta jawapan.

6.00 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kepong, Parit Sulong yang telah pun dengan penuh minat mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang saya bentangkan ini. Pihak saya telah pun mencatat semua syor dan pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sepenuhnya. Begitu juga pegawai-pegawai kementerian saya yang hadir bertugas pada petang ini semuanya telah mencatat segala butir-butir, syor-syor, juga pendapat-pendapat Yang Berhormat di mana

akan ditapis, dikaji dan akhirnya dijadikan garis panduan untuk kementerian mengemaskinikan pindaan akta ini.

Sebelum saya menyentuh apa yang telah diperkatakan sedikit-sebanyak, saya menganggap bahawa Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1997 ini adalah ibaratkan kita sedang mendirikan sebuah rangka rumah. Kita pastikan dahulu rangka rumah tersebut dapat kita dirikan dahulu dengan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan sahaja. Tentang jenis lantai, jenis pintu, jenis tingkap, jenis siling pula kita buat kemudian mengikut kehendak masa dan kehendak keadaan. Dengan lain perkataan, bila undang-undang ini diluluskan dan dilaksanakan dari masa ke semasa ROC dan juga AC akan meneliti perjalanan dan pendekatan rang undang-undang dan jika perlu akan menokok tambah peraturan dan garis panduan agar undang-undang ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi keuntungan mereka sendiri.

Saya hendak jawab bagi Kota Melaka pun rasanya penat mulut saya, kerana dia cakap selepas itu dia keluar. Jadi, hendak jawab pun tidak gunalah. Tetapi inginalah saya nyatakan inside trading ini bukan bidang kuasa ROC, tetapi adalah bidang kuasa AC. Jadi, oleh sebab beliau keluar saya pun malas hendak jawablah, fasal luahan ini keluar dari Kota Melaka. Banyak jawapan sudah disediakan. Kita penat tulis sedia jawapan, dia lari keluar.

Daripada Kepong, penubuhan jawatankuasa watchdog yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong untuk menguasai tindakan

belian balik saham adalah tidak perlu memandangkan pihak-pihak berkuasa yang terlibat seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara, BSKL dan polis adalah cukup untuk menangani masalah yang dihadapi. Semua badan berkenaan telah menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan dan mereka sentiasa bekerjasama dalam perkara tersebut.

Bercakap tentang syarikat-syarikat yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kuat, peruntukan yang dicadangkan memang mengkehendaki syarikat yang menggunakan kemudahan ini mestilah solvent, iaitu asetnya adalah lebih daripada liability, dengan izin. Di samping itu, Seksyen 132(c) Akta Syarikat 1965 memerlukan transaksi itu diluluskan oleh mesyuarat agung. Jika transaksi itu akan mempunyai kesan yang mengakibatkan kewangan syarikat menjadi buruk, tentulah sekali mendapat layanan yang tertentu untuk 'diskrasi' pihak yang berkuasa.

Daripada Parit Sulong pula telah menekankan apakah peranan, dengan izin, front managers tempatan kita dalam hal-hal tertentu. Selalunya adalah amalan front managers tempatan ini ikut selera front managers luar juga. Ini mungkin Timbalan Menteri Kewangan pun boleh tentukan bahawa di mana sahaja dapat keuntungan, tidak kira daripada dalam atau dari mana pun dia akan mengambil kesempatan-kesempatan dan susah hendak cari orang yang betul-betul jujur dan ikhlas. Kalau kita lihat bahawa fundamental kita begitu kuat sekali seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap dan

juga Timbalan Menteri Kewangan, tetapi mengapakah kadangkala berlaku sesuatu yang tidak dapat kita duga. Tentulah ada usaha-usaha lain yang telah dilakukan.

Jadi, kalau wang Ringgit Malaysia boleh dimanipulasikan, ada orang hendak selamatkan, boleh kita tentukan ada pihak yang boleh menyelamatkan seperti Bank Negara ataupun Petronas. Tetapi kalau ada pihak yang telah memanipulasikan satu-satu syarikat yang disenaraikan di BSKL, tanpa pindaan ini atau tanpa akta ini tentulah sekalilah syarikat-syarikat tersebut akan menjadi mangsa, dan ini akan mewujudkan suasana yang sungguh mengelirukan rakyat keseluruhan. Kalau masalah fundamental, kita boleh tentukan cara-cara kita membasmikan. Tetapi kalau perkara ini dilakukan oleh pihak luar yang sengaja, dengan izin, to raid the situation, maka kita mesti ada satu rescue operation untuk menentukan kestabilan BSKL di mana saham-saham ini sering dibeli mungkin bukan oleh orang senang sahaja, seperti dibeli oleh minta maaf fish monger, orang jual di pasar, orang-orang kampung, orang-orang setinggan yang membeli sedikit mungkin satu-dua lot. Kita kena fikir bahawa pembelian saham hari ini sudah merebak bukan sahaja orang besar-besar, tetapi orang bawahan, dan kita tidak mahu mereka terbakar tangan kerana tidak ada satu rescue operation yang dapat kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bercakap tentang hal ini untuk memberi sokongan. Bagi saya, Kota Melaka pun tidak membantah, Kepong pun nampak sokong, apatah lagi Parit Sulong, marilah kita bersama-sama harap dengan pindaan ini keadaan BSKL dan perkembangan syarikat-syarikat kita lebih baik dan maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal-Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.